

PERBANDINGAN ADAPTASI ELEMEN NARATIF DARI
NOVEL KE FILEM MENERUSI KARYA *TOMBIRUO*:
PENUNGGU RIMBA. SATU PENELITIAN TEORI
INTERTEKSTUALITI

RACHEL JANE JOSEPH

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

KELANTAN

2024



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PERBANDINGAN ADAPTASI ELEMEN NARATIF DARI
NOVEL KE FILEM MENERUSI KARYA *TOMBIRUO*:
PENUNGGU RIMBA. SATU PENELITIAN TEORI
INTERTEKSTUALITI

RACHEL JANE JOSEPH

UNIVERSITI
TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA
PENGAJIAN WARISAN

UNIVERSITI
MALAYSIA
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- Dari tarikh.....sehingga.....
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

racheljane

Tandatangan

Rachel Jane Joseph
C20A1399
Tarikh:16/ 02/ 2024

Sa:

Tandatangan Penyelia

Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman
Tarikh:25 /02 / 2024

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya bersyukur kepada Tuhan atas berkat kekuatan dan keyakinan yang diberikan sepanjang projek penyelidikan ini dijalankan, maka dapatlah saya menyelesaikan penyelidikan ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan ditujukan kepada Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman selaku penyelia projek penyelidikan yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan membimbing penulis sepanjang melaksanakan penyelidikan ini. Beliau juga telah memberi dorongan dan semangat kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini. Saya mendoakan supaya beliau diberikan kesihatan dan kekuatan dalam mendidik mahasiswa di Universiti Malaysia Kelantan dan di mana sahaja.

Selain itu, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga saya yang amat disayangi Joseph Sambimbiu (Bapa), Sailin Masanging (Ibu) dan adik-adik yang dikasihi kerana tidak putus-putus memberikan doa dan semangat untuk menyiapkan kajian ini.

Seterusnya, sekalung penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini kerana telah membantu dan memberi tunjuk ajar kepada penulis sepanjang kajian ini dijalankan.

Sekian, terima kasih.

Rachel Jane Joseph
Kg. Mangin Jln Kudat,
89100 Kota Marudu,
Sabah.
Emel: C20a1399@siswa.umk.edu.my

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

JADUAL KANDUNGAN

KANDUNGAN		HALAMAN
PENGESAHAN TESIS		i
PENGHARGAAN		ii
JADUAL KANDUNGAN		iii-iv
SENARAI JADUAL		v
SENARAI RAJAH		vi
SENARAI CARTA		vii
ABSTRAK		viii
ABSTRACT		ix
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1-2
1.2	Latar Belakang	3-4
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	8-9
1.7	Batasan Kajian	10
1.8	Istilah Konsep dan Definisi	11
	1.8.1 Teori Adaptasi Morris Beja	11
	1.8.2 Teori Adaptasi Geoffrey Wagner	12
	1.8.3 Teori Adaptasi Michael Klein dan Gillian Parker	12
	1.8.4 Teori Intertekstualiti Bakhtin Mikhail	12
1.9	Organisasi Kajian	13-14
1.10	Kesimpulan	15
BAB 2	SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.1	Pengenalan	16
2.2	Kajian Mengenai Ketokohan Ramlee Awang Murshid, Bakhtin Mikhail dan Julia Kristeva	17-23
2.3	Kajian Mengenai Karya-karya Ramlee Awang Murshid	24-29
2.4	Kajian Mengenai Teori Intertekstualiti	30-35
2.5	Kajian Mengenai Filem Adaptasi	36-42
2.6	Kesimpulan	43
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	45
3.3	Kaedah Kajian	46
	3.3.1 Kajian Kepustakaan	47
	3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual	48
	3.3.3 Sumber Internet	49
3.4	Teori Intertekstualiti	50-53
3.5	Kerangka Kajian	54
3.6	Kesimpulan	55
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	
4.1	Pengenalan	56-58
4.2	Sinopsis Novel dan Filem Tombiruo: Penunggu Rimba	59-61
4.3	Perbandingan Unsur Naratif	62
	4.3.1 Tranformasi Elemen Latar	63
	4.3.1.1 Latar Tempat	64
	4.3.1.2 Latar Masa	66
	4.3.1.1 Latar Masyarakat	68-70
	4.3.2 Tranformasi Elemen Watak dan Perwatakan	71-74
4.4	Analisis Ketepatan Proses Adaptasi dari Novel ke Filem Tombiruo: Penunggu Rimba	75
	4.4.1 Sumber dan Cara Adaptasi	76

4.4.1.1	Tema	77
4.4.2	Konteks	81
4.4.2.1	Format	82-84
4.4.2.2	Bahasa	85-87
4.5	Kesimpulan	88-89
BAB 5	KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	90
5.2	Rumusan Kajian	91-93
5.3	Implikasi Kajian	94
5.4	Cadangan	96
	5.4.1 Cadangan Kepada Orang Awam	97
	5.4.2 Cadangan Kepada Kerajaan	98
	5.4.3 Cadangan Kepada Industri	99
	5.4.4 Cadangan Kepada Pengkaji Lain	100
5.5	Kesimpulan	101
RUJUKAN		102-104
LAMPIRAN		105

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI JADUAL

JADUAL	KANDUNGAN	HALAMAN
1	Sinopsis novel dan filem <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> bagi membuat perbandingan dalam analisis bab 4	60
2	Perbandingan elemen latar pada kedua-dua karya	64-65
3	Perbandingan latar masa pada kedua-dua karya	66-67
4	Perbandingan latar masyarakat pada kedua-dua karya	68-69
5	Perbandingan elemen watak dan perwatakan pada kedua-dua karya	71-73
6	Persamaan tema daripada kedua-dua karya.	79-80

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

RAJAH	KANDUNGAN	HALAMAN
1	Teknik analisis teks berdasarkan kajian kualitatif filem adaptasi novel <i>Tombiruo:Penunggu Rimba</i>	48
2	Kerangka teoritikal yang digunakan bagi proses penyelidikan berkaitan unsur naratif berdasarkan filem adaptasi novel <i>Tombiruo:Penunggu Rimba</i> karya Ramlee Awang Murshid	54
3	Infografik 10 prinsip teori Intertekstualiti	56
4	Infografik pecahan yang terdapat dalam prinsip transformasi	57

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI CARTA

CARTA	KANDUNGAN	HALAMAN
1	Peratus penggunaan format dalam transformasi teks novel ke dalam filem <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i>	84
2	Penggunaan bahasa dalam filem adaptasi novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i>	86

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN ADAPTASI PERBANDINGAN ELEMEN NARATIF DARI NOVEL KE
FILEM MENERUSI KARYA *TOMBIRUO: PENUNGGU*. SATU PENELITIAN
TEORI INTERTEKSTUALITI**

ABSTRAK

Adaptasi merupakan satu proses penyesuaian sesuatu karya dengan keadaan berbeza daripada sebelumnya. Dalam konteks kesusasteraan, adaptasi melibatkan proses transformasi karya daripada satu medium (karya bertulis atau teater) kepada medium lain (filem). Penelitian proses adaptasi menekankan kepada kepentingannya kepada industri filem dan mengangkatnya sebagai genre filem. Isu kesetiaan termasuklah elemen naratif seperti tema, plot, latar dan persoalan terhadap karya asal merupakan antara isu yang sering dibincangkan dan diteliti. Fokus kajian ini adalah novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Mursyid (1998) yang diterbitkan oleh Seth Larney pada tahun 2007. Objektif kajian ini adalah membincangkan perbandingan elemen naratif dari novel ke filem menerusi karya *Tombiruo: Penunggu Rimba* yang melibatkan aspek latar dan, watak dan perwatakan. Seterusnya, menganalisis ketepatan proses transformasi novel ke filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Mursyid dengan mengaplikasikan teori Intertekstualiti. Kajian ini dianalisis berdasarkan pendekatan kualitatif dengan menggunakan beberapa kaedah iaitu kaedah perpustakaan, analisis tekstual dan sumber Internet. Teori yang digunakan adalah teori Intertekstualiti yang dipelopori oleh Bakhtin Mikhail (1926). Hasil kajian menunjukkan adanya kesetiaan terhadap transformasi novel ke filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* walaupun berlakunya perubahan pada beberapa peristiwa, plot dan watak daripada sumber asal.

Kata kunci: *Adaptasi, Novel, Filem, Naratif, Tombiruo:Penunggu Rimba, Intertekstualiti*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

A COMPARATIVE STUDY OF ADAPTATION OF NARRATIVE ELEMENTS FROM NOVEL TO FILM *TOMBIRUO: PENUNGGU RIMBA*. A THEORY OF INTERTEXTUALITY RESEARCH

ABSTRACT

Adaptation is the process of adapting a work to a different situation than before. In the context of literature, adaptation involves the process of transforming a work from one medium (written work or theatre) to another medium (film). Researching the adaptation process emphasizes its importance to the film industry and elevates it as a film genre. Fidelity issues, including narrative elements such as themes, plots, settings, and questions about the original work, are among the issues that are often discussed and researched. The focus of this study is the novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* by Ramlee Awang Mursyid (1998) published by Seth Larney in 2007. The objective of this study is to discuss the comparison of narrative elements from the novel to the film through the work *Tombiruo: Penunggu Rimba*, which involves aspects of the setting and characters. Next, analyse the accuracy of the transformation process of the novel into the film *Tombiruo: Penunggu Rimba* by Ramlee Awang Mursyid by applying the theory of intertextuality. This study is analysed based on a qualitative approach using several methods, namely library methods, textual analysis, and Internet sources. The theory used is the intertextuality theory pioneered by Mikhail Bakhtin (1926). The study results show that there is fidelity to the transformation of the novel into the movie *Tombiruo: Penunggu Rimba*, despite the changes in some events, plots, and characters from the original source.

Keywords: *Adaptation, Novel, Film, Narrative, Tombiruo: Penunggu Rimba, Intertextuality*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menurut hujahan Bordwell dan Thompson (1990), penciptaan teknik fotografi di Perancis pada tahun 1826 merupakan permulaan kepada penemuan-penemuan baru dalam seni perfileman. Penciptaan filem di Tanah Melayu sudah dilakukan sejak awal abad ke-20. Filem pada ketika itu lebih dikenali dengan panggilan wayang gambar, yang telah mula ditayangkan sejak tahun 1998 di Kuala Lumpur. Filem-filem yang ditayangkan ketika itu adalah filem pendek berkisahkan perang yang berlaku ketika itu seperti perang Jepun, Rusia dan China. Penduduk Melayu menonton filem khemah atau tempat terbuka sahaja. Selain itu, filem-filem bisu seperti lakonan Charile Chaplin dan John Barrymore juga sudah ditayangkan mula ditayangkan selepas Perang Dunia Kedua.

Sejarah filem Malaysia dapat dilihat melalui dua era iaitu sistem studio (1947) yang menaikkan tiga kuasa besar dan berakhir pada tahun 1977. Setelah itu, penciptaan filem diteruskan bermula tahun 1974 oleh produser-produser filem bumiputera yang bebas sehingga ke hari ini. Filem *Laila Majnum* (1933) merupakan filem Melayu yang pertama yang berkonsepkan karya klasik Arab yang diterbitkan oleh S.M Rajhans yang merupakan seorang ahli perniagaan India. Menjelang era 50-an, penciptaan filem Melayu berbahasa Melayu semakin meningkat. Banyak studio penerbitan yang bersaing menerbitkan filem-filem yang baik dan berlumba mendapatkan pelakon yang terkenal ketika itu. Pada era ini, ramai bintang filem yang lahir seperti Nordin Ahmad, P. Ramlee, Saloma, Jins Shamsuddin, Sarimah dan Ahmad Mahmud.

Perkataan ‘novel’ berasal daripada bahasa Itali iaitu *novella* yang bermaksud ‘berita’, ‘cerita pendek mengenai sesuatu yang baru’ atau ‘baru’. Novel merupakan karya sastera yang berprosa panjang atau cerita panjang yang ditulis oleh penulis novel. Penulisan tersebut mengandungi rangkaian cerita yang mengisahkan kehidupan atau pengalaman sekeliling seseorang watak dalam cerita novel tersebut. Setiap cerita akan dibahagikan dalam bentuk bab bagi menggambarkan kisah permulaan, konflik serta peleraian. Ketebalan dan kepanjangan cerita sesebuah novel adalah diambil kira bagi membezakan dengan cerita pendek.

Hikayat Panglima Nikosa (1876) karya Ahmad Shawal bin Abdul Hamid merupakan penulisan novel bahasa Melayu pertama diterbitkan yang dilihat menepati format penulisan yang tepat. Walter Scott menghuraikan novel sebagai narasi fiktif berbentuk sajak atau prosa. Hal ini bertujuan untuk menjadikan peristiwa dalam novel tersebut sebagai peristiwa yang jarang berlaku dan luar biasa.

1.2 Latar Belakang Kajian

Adaptasi ialah satu proses penyesuaian sesuatu karya dengan keadaan berbeza atau sebelumnya. Adaptasi adalah sama dengan proses transformasi novel ke filem, drama ke novel atau filem ke novel. Perkembangan penghasilan filem sangat ketara pada masa kini atas usaha penerbit-penerbit filem yang berusaha menjana pemikiran yang pelbagai dalam penciptaan filem mereka terutamanya dalam genre novel. Genre novel menjadi tumpuan kerana memiliki unsur naratif yang saling berkaitan antara satu sama lain. Umumnya, adaptasi bermaksud proses mengolah atau menulis semula dari satu medium kepada medium yang lain.

Proses adaptasi sememangnya bukan perkara yang baru. Tradisi ini sudah berlaku di Barat pada awal era D.W. Griffith (1908). Griffith telah menghasilkan beberapa karya filem adaptasi sastera seperti *Ressurrection* (1909) karya Leo Tolstoy dan *The Cloister and the Heart* (1913) karya Charles Reade. Menurut Eisenstein (1964), Griffith telah mengkaji beberapa makna adaptasi novel ke filem seperti *close-up*, *pan*, *dissolve*, montaj dan *shot superimpose*.

Berdasarkan pendapat yang diberikan oleh Patrick Faubert (2010), dalam jurnal bertajuk '*Perfect Picture Material*': Anthony Adverse dan Masa Depan Teori Adaptasi, menghuraikan makna adaptasi iaitu satu bentuk dialog budaya yang sentiasa mengalami perubahan kualiti yang menyokong ketidakwajaran sekiranya diletakkan sebagai lanjutan atau sumbangan daripada kejayaan media sebelum ini. Seseengah ahli teori seperti Julie Sanders, Robert B. Ray, dan Linda Hutcheon bersetuju dengan pendapat Faubert.

Hujahan ini ditegaskan oleh Linda Hutcheon (2006) bahawa penyesuaian sentiasa terjadi dalam ruang sisi tidak linear, dan dengan penyesuaian tersebut pengkarya cuba keluar daripada rantaian bekalan hierarki. Ia bermaksud penyesuaian adaptasi berlaku

melangkaui pada sumber asal. Kenyataan ini dapat dilihat dalam muka surat awal bukunya yang berjudul *A Theory of Adaptation* dimana adaptasi dihias semula dengan variasi tanpa mengubah, mengatur, meniru atau mencipta (Hutcheon, 2006). Hutcheon menilai bahawa setia kepada sumber itu tidak lebih produktif, kerana ia hanya menghasilkan kehilangan dan kebosanan kepada pembaca atau penonton.

Dalam kajian ini, beberapa elemen naratif seperti plot, perwatakan dan peristiwa yang terkandung dalam adaptasi ini akan menjadi fokus kajian penyelidikan. Bagi mendapatkan hasil dapatan kajian, pengkaji akan memfokuskan pemerhatian melalui teks-teks dalam novel. Metodologi kajian yang digunakan adalah melalui reka bentuk kaedah kualitatif dan mengaplikasikan analisis sebagai instrumen kajian.

1.3 Permasalahan Kajian

Dalam melakukan proses adaptasi atau transformasi novel ke filem, penciptaan karya ini akan sentiasa berhadapan dengan masalah yang timbul daripada teks asal (Patrice Pavis, 1999). Kajian ini dijalankan mengenai adaptasi yang merupakan kajian yang mendapat perhatian daripada pengkaji-pengkaji sastera. Walaubagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa kajian yang meneliti adaptasi dari novel ke filem yang berfokuskan kepada keseluruhan elemen naratif masih kurang dilakukan terutamanya mengaplikasikan teori Intertekstualiti yang dipelopori oleh Bakhtin Mikhail (1926). Penelitian ini akan mengupas tentang elemen adaptasi novel ke filem *Tombiruo:Penunggu Rimba*.

Terdapat banyak adaptasi yang difilemkan dan ditayangkan dalam televisyen seperti filem *Laskar Pelangi* (2008) karya Andrea Hirata dan *Ranjau Sepanjang Jalan* (1983) karya Shanon Ahmad, malah boleh dicari melalui media sosial. Namun, kebanyakan filem adaptasi novel yang diterbitkan di Malaysia sukar menembusi antarabangsa. Hal ini dilihat menerusi pandangan yang diberikan oleh George Bluestone (McFarlane, 1996) dimana adaptasi novel ke filem adalah mengenai “*Two ways of seeing things*”. Setiap pengkarya filem sudah semestinya perlu melakukan prosedur penciptaan filem dengan bijak dan kreatif yang berbeza daripada kebiasaan dalam memindahkan karya dalam bentuk media yang berlainan tanpa mengganggu pemahaman penonton.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian memfokuskan proses adaptasi novel ke filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*:

- 1.4.1 Bagaimanakah proses transformasi dapat dikenal pasti berdasarkan aspek naratif menerusi elemen latar serta watak dan perwatakan dalam novel dan filem *Tombiruo:Penunggu Rimba*?
- 1.4.2 Adakah proses adaptasi dalam karya novel ke filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* dapat dianalisis dengan tepat menggunakan teori Intertekstualiti?

1.5 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mencapai objektif berikut:

- 1.5.1 Mengenal pasti proses transformasi berdasarkan aspek naratif menerusi elemen latar serta watak dan perwatakan yang ditransformasikan dari novel ke filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*.
- 1.5.2 Menganalisis ketepatan proses adaptasi dari novel ke filem novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* menggunakan teori Intertekstualiti.

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini, diharapkan dapat memberi gambaran dan pemahaman kepada pembaca dan penonton tentang proses transformasi cerita dari sesebuah novel kepada filem. Kajian ini dapat membantu pembaca untuk menghayati jalan cerita melalui pembacaan sahaja tetapi membantu mereka untuk melihat secara nyata bagaimana cerita tersebut disampaikan dengan melihat situasi, latar, dan peristiwa yang berlaku dalam filem setelah diadaptasi. Selain itu, kajian ini dapat membantu kepada pengkaji-pengkaji akan datang untuk menghasilkan filem adaptasi yang lebih menarik. Kepentingan ini dipecahkan kepada tiga kelompok iaitu kepentingan kepada individu, komuniti dan institusi.

1.6.1 Kepentingan kepada individu adalah membantu mereka untuk memahami bagaimana proses mentransformasikan dan menghayati pendekatan naratif yang digunakan dalam pembikinan filem yang diadaptasi dari novel. Pengetahuan ini boleh dipraktikkan melalui pembikinan video-video pendek seterusnya diaplikasikan kepada video panjang sehingga akhirnya menjadi sebuah filem.

1.6.2 Kepentingan kepada masyarakat adalah menarik mereka untuk memahami dan mempelajari budaya hidup masyarakat etnik lain melalui peristiwa, latar, watak dan perwatakan yang terdapat dalam sesebuah novel atau filem. Bukan itu sahaja, kajian ini juga akan menarik pembaca dan penonton bagi mempraktikkan nilai moral dan pengajaran melalui peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam cerita.

1.6.3 Kepentingan kepada institusi pula dapat menggunakan kajian ini sebagai rujukan sampingan untuk menjalankan kajian yang baharu pada masa akan

datang. Contohnya dalam institusi pendidikan, kajian ini boleh disimpan dalam artikel, jurnal, perpustakaan atau dijadikan buku bagi memudahkan pengkaji lain untuk merujuknya.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat proses adaptasi novel ke filem dengan mengenal pasti ciri-ciri adaptasi dan elemen-elemen adaptasi dari novel ke filem. Pengkaji telah memilih novel *Tombiruo* (1998) karya Ramlee Awang Murshid dan filem adaptasinya iaitu *Penunggu Rimba* yang diterbitkan oleh Seth Larney sebagai fokus kajian dalam tugas. Kajian ini dilakukan melalui teks-teks dan peristiwa yang berlaku dalam novel *Tombiruo* sahaja.

Tajuk ini dipilih kerana pengkaji ingin memahami dan mengetahui bagaimana memindahkan elemen naratif dari novel kepada filem berdasarkan novel yang dipilih. Elemen naratif yang akan dikaji dalam kajian ini adalah adaptasi dari segi latar tempat iaitu latar hutan yang menjadi latar utama dalam cerita kajian ini, watak dan perwatakan yang melibatkan pelbagai golongan masyarakat seperti orang bandar, orang kampung dan orang pedalaman yang tinggal di kawasan hutan.

Akhir sekali, menghuraikan ketepatan proses adaptasi dalam penghasilan karya filem daripada adaptasi novel. Ketepatan ini juga dapat dikaitkan dengan kehadiran unsur bahasa dan budaya kehidupan masyarakat yang terdapat di Sabah yang dimasukkan dalam cerita. Contohnya, penggunaan bahasa Dusun yang digunakan dalam komunikasi antara watak dalam cerita. Seterusnya terdapat juga penggunaan beberapa tradisi pemujaan yang diamalkan oleh masyarakat Kadazan Dusun yang diceritakan dan dilakonan dalam cerita novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji dan mengulas sejauh mana ketepatan adaptasi ini boleh digunakan dalam penciptaan filem adaptasi.

1.8 Definisi Istilah dan Konsep

Istilah dan konsep menentukan fokus kajian yang dijalankan supaya penyelidikan teratur dan tidak melangkaui asas objektif kajian. Mana Sikana (2015) menjelaskan bahawa kajian adalah pendidikan dan asas kepada seseorang individu untuk menjadi intelektual. Proses penyelidikan hendaklah dijalankan secara sistematik, berkaedah dan teliti oleh penyelidik. Definisi istilah dan konsep menunjukkan istilah utama teori adaptasi dan teori intertekstualiti yang disertakan dalam kajian ini.

1.8.1 Teori Adaptasi Morris Beja

Morris Beja (1979) dalam bukunya *Film and Literature: an Introduction* menegaskan bahawa fenomena keberhasilan filem adaptasi dalam menguasai industri perfileman dunia sejak kelahiran *Academy Award* pada tahun 1927. Terdapat dua kaedah adaptasi yang dicipta oleh beliau iaitu mengekalkan kewibawaan karya asal tanpa sebarang penambahan atau pewarnaan dan gaya pengubahsuaian yang bebas bagi menghasilkan sebuah karya yang baik dan berwibawa.

1.8.2 Teori Adaptasi Geoffrey Wagner

Geoffrey Wagner (1975) menghuraikan tiga kategori adaptasi iaitu *Transposition*, *Commentary*, *Analogy*. Kategori *transposition* merujuk kepada mengangkat sesuatu karya secara langsung ke skrin dengan pengubahsuaian yang minimum. Kategori *Commentary* merujuk kepada karya asal sama ada secara sengaja atau tidak sengaja akan diubah dalam aspek-aspek tertentu jika terdapat perbezaan tumpuan di pihak pembuat filem. Manakala kategori *Analogy* merujuk kepada

sesuatu tindakan yang mesti mewakili pertimbangan yang adil antara pengarang dengan pembuat filem semata-mata untuk menghasilkan karya seni yang lain.

1.8.3 Teori Adaptasi Michael Klein dan Gillian Parker

Michael Klein dan Gillian Parker (1987) menterjemahkan perbandingan unsur naratif seperti plot, watak, latar, gaya penulisan dan tema harus dilakukan antara teks sastera dengan filem adaptasi. Kedua-dua tokoh ini memperkenalkan tiga kaedah adaptasi iaitu Adaptasi Tertutup (*Close Adaptation*), Adaptasi Longgar (*Loose Adaptation*) dan Adaptasi Pertengahan (*Intermediate Adaptation*). Kaedah Adaptasi tertutup merujuk kepada sebahagian unsur naratif yang terdapat dalam teks sastera dikekalkan dan beberapa elemen sahaja yang dibuang serta tidak banyak unsur lain yang ditambah. Kaedah Adaptasi longgar pula merujuk kepada filem yang membuang sebahagian besar unsur cerita yang terdapat dalam teks dan pelbagai unsur naratif pula telah digantikan atau ditambah terhadap filem. Manakala kaedah Adaptasi Pertengahan merujuk kepada filem adaptasi yang berada di tengah-tengah antara adaptasi tertutup dengan adaptasi longgar.

1.8.4 Teori Intertekstualiti

Teori Intertekstualiti atau dialogik diperkenalkan oleh Bakhtin Mikhail pada tahun 1926, kemudian ia digunakan oleh Julia Kristeva (1980) ke dalam tesis kedoktorannya untuk melihat dialogikal teks. Teori ini mengkaji tentang aspek hipoteks dan hiperteks yang berkaitan hubungan teks dengan teks tersebut. Menurut Kristeva (1980), teori ini digunakan dalam proses transformasi yang melibatkan pemindahan, penjelmaan, atau penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain sama ada secara formal atau abstrak.

1.9 Organisasi Kajian

Bagi menghasilkan penyelidikan ini, penyelidik telah memecahkan kajian ini kepada tiga bab. Pembahagian ini dilaksanakan bagi memastikan proses penyelidikan dapat dijalankan dengan kemas, teratur dan tepat.

1.9.1 Bab Satu

Dalam bab satu, pengkaji akan membincangkan pendahuluan yang merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah dan konsep dan organisasi kajian serta diakhiri dengan kesimpulan.

1.9.2 Bab Dua

Bab dua pula menjelaskan kajian literatur dengan membuat tinjauan sorotan kajian lepas daripada pelbagai sumber seperti pengkajian berkaitan adaptasi dari novel ke filem berdasarkan novel *Tombiruo* karya Ramlee Awang Murshid dan filem adaptasinya *Penunggu Rimba* yang diterbitkan oleh Seth Larney, pengkajian tentang teori Intertekstualiti dan diakhiri dengan kesimpulan.

1.9.3 Bab Tiga

Bab tiga pula membincangkan tentang metodologi kajian. Teknik yang digunakan adalah kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah Internet, kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Kaedah analisi teks akan menggunakan novel *Tombiruo* karya Ramlee Awang Murshid. Teori Intertekstualiti berdasarkan pandangan Mikhail Bakhtin juga digunakan untuk menganalisis dan mendapatkan hasil dapatan kajian.

1.9.3 Bab Empat

Bab empat akan membincangkan dan menganalisis hasil dapatan kajian. Bahagian ini akan membincangkan objektif kajian yang telah digunakan untuk menjalankan penyelidikan ini. secara khususnya bab ini akan membincangkan perbandingan transformasi unsur naratif dalam filem adaptasi *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Seterusnya, menganalisis ketepatan proses transformasi novel ke filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* dengan mengaplikasikan teori Intertekstualiti.

1.9.4 Bab Lima

Bab lima merupakan bahagian penutup yang mengandungi rumusan bagi keseluruhan hasil dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian yang diberikan. Selain itu, implikasi atau kesan kajian dan cadangan kepada kajian yang akan datang juga terkandung dalam bab ini.

1.10 Kesimpulan

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang penting berkaitan dengan adaptasi dari novel ke filem berdasarkan novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Murshid. Pengkaji juga telah menjelaskan tujuan dan sebab kajian ini dilakukan. Berdasarkan kepada pernyataan masalah, banyak persoalan mengenai proses adaptasi sesebuah karya ditransformasikan kepada medium yang lain. Penghasilan sesebuah filem dan novel bukanlah aktiviti yang mudah namun memerlukan kekreatifan, pengetahuan dan pengalaman yang lebih matang dan berkualiti bagi memastikan karya tersebut boleh menembusi antarabangsa. Oleh itu, dengan adanya keperluan kajian ini diharap dapat dijalankan dengan lebih mendalam bagi memenuhi keperluan penyelidikan pada masa akan datang.

BAB 2

KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan bentuk kajian sistematik bagi membuat penelitian fokus kajian yang sedang dilakukan. Pengkaji akan meneliti dan menilai kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Secara umumnya, kajian literatur ialah satu penyatuan maklumat yang telah didapati daripada sumber sekunder seperti majalah, internet, buku, surat khabar dan sumber lain yang sesuai dan berkaitan. Maklumat tersebut merupakan kandungan khusus yang biasanya berputar dengan isu dan fokus tertentu. Ia juga mewakili pemilihan idea yang didapati oleh pengkaji lama mengenai tajuk atau kumpulan topik yang tertentu yang dilihat berkait rapat dengan beberapa cara. Kenyataan ini ada dihuraikan oleh Afifuddin (2012) bahawa kajian literatur merupakan alat *content review*. Hal ini kerana kajian literatur amat penting dan berguna untuk menjelaskan makna dan konteks penulisan yang dijalankan serta dapat membantu pengkaji menjelaskan secara eksplisit dan pembaca dapat mengetahui isu yang ingin dikaji.

2.2 Pengkajian Mengenai Ketokohan Ramlee Awang Murshid, Mikhail Bakhtin Dan Julia Kristeva

Mas Rynna dan Maryam Nabilah telah melakukan kajian pada tahun 2022 yang berjudul Elemen Realisme Magis dalam Novel *9 Nyawa* karya Ramlee Awang Murshid. Kajian tersebut dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis kewujudan elemen realisme magis dalam karya Ramlee Murshid melalui novelnya bertajuk novel *9 Nyawa* berdasarkan elemen-elemen teori Realisme magis yang diusulkan oleh Wendy B. Faris. Selain itu, kajian ini juga melihat kesesuaian gandingan Realisme dan magis dalam karya penulis tempatan dan kesiringannya dengan gaya hidup masyarakat. Metodologi kajian ini adalah menerapkan pendekatan kualitatif dengan menggunakan analisis teks dan kaedah kepustakaan. Hasil dapatan kajian tersebut menyimpulkan bahawa karya Ramlee Murshid yang bertajuk *9 Nyawa* berjaya membuktikan keseiringan antara unsur Realisme dan magis serta memenuhi kelima-lima elemen Realisme magis Wendy B. Faris. Walaubagaimanapun, terdapat tiga elemen yang mendominasi plot penceritaan iaitu elemen dunia fenomena, elemen alam yang bergabung dan elemen yang tidak boleh dijelaskan. Hasil analisis juga membuktikan bahawa berlaku keseiringan antara unsur realisme dan magis dalam karya beliau serta setiap isu yang diketengahkan sememangnya mewakili gaya hidup masyarakat melayu. Berdasarkan kajian ini, terdapat perbezaan antara kajian lepas dengan kajian pengkaji. Kajian ini telah mengkaji tentang perincian dan tahap penggunaan unsur Realisme dan magis dalam penulisan novel *9 Nyawa* karya Ramlee Awang murshid, manakala kajian yang dijalankan oleh pengkaji akan mengkaji tentang unsur naratif berdasarkan teori Intertekstualiti dalam novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*.

Kajian seterusnya adalah kajian yang dijalankan oleh Wan Nur Akmal yang berjudul *Gaya Bahasa dan Teknik Penulisan dalam novel Magis* karya Ramlee Awang Murshid: Satu Penelitian Teori Stilistik pada tahun 2023. Kajian ini memfokuskan kepada gaya linguistik dan teknik penulisan dalam novel *Magis*. Kajian ini menjelaskan bahawa kajian Ramlee Awang Murshid bukanlah kajian saintifik kerana perkataan yang digunakan oleh Ramlee Murshid sukar difahami oleh pelajar sekolah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang merangkumi teknik bibliografi dan analisis teks. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan teori Stilistik. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa banyak gaya linguistik dan teknik penulisan boleh didapati dalam novel tersebut. Perbezaan kajian lepas ini dengan kajian yang pengkaji jalankan adalah, pengkaji menganalisis unsur naratif seperti plot, perwatakan dan latar dalam teks novel *Tombiruo* yang ditransformasikan kepada filem manakala kajian ini mengkaji gaya bahasa dan teknik penulisan dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid.

Halimah pula telah menulis esei pada tahun 2014 yang bertajuk *Cinta Sufi dan Dakwah Ramlee Awang Murshid: Pengaruhnya Terhadap Pembaca*. Esei ini merupakan suatu bacaan novel karya Ramlee Awang Murshid iaitu novel *Cinta Sufi* yang diterbitkan pada tahun 2010. Penulisan esei ini merupakan satu analisis bagaimana penulis berdakwah melalui sastera yang dapat mempengaruhi peminatnya ke atas karya yang dihasilkannya. Novel *Cinta Sufi* telah dipilih kerana novel tersebut mempunyai unsur-unsur dakwah yang ketara dan jelas. Penulisan esei ini juga menghuraikan bahawa dakwah secara amnya merupakan suatu perbuatan yang dilakukan oleh siapa sahaja bagi menyebarkan kebaikan serta ilmu agama. Isi esei ini adalah membincangkan bagaimana menyampaikan dakwah dan menganalisis kesan dakwah berdasarkan teks novel kepada pembaca. Hasil perbincangan esei ini menyimpulkan bahawa dakwah Ramlee Awang Murshid yang disampaikan melalui tulisannya dalam novel *Cinta Sufi* jelas membawa

kesan yang positif kepada pembaca-pembaca. Kajian lepas ini berbeza dengan kajian pengkaji kerana pengkaji memfokuskan unsur naratif dalam daripada adaptasi filem dari novel.

Kajian seterusnya adalah kajian yang dilakukan oleh Hayati pada tahun 2004 yang bertajuk *Ingin Jadi Pujangga: Penerapan Analisis Teori Dialogisme*. Tumpuan kajian ini merujuk kepada penelitian terhadap teks luaran dalam teori dialogisme yang telah dipelopori oleh Mikhail Bakhtin berdasarkan konteks pengalaman dan pensejarahan yang dapat ditemui dalam karya-karya cerpen A. Samad Ismail. Teori Dialogisme telah dibincangkan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam bagi menganalisis cerpen-cerpen yang berkaitan. Seterusnya, fokus kajian ini adalah berdasarkan pengalaman-pengalaman yang dialami oleh A. Samad Ismail dan bagaimana beliau menggunakan pengalaman tersebut dalam menghasilkan karya cerpennya. Seterusnya, membincangkan aspek pensejarahan yang dapat dikesan dalam karya-karya beliau. Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah kualitatif dengan meneliti teks luaran *cerpen Ingin Jadi Pujangga*. Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa teks luaran terutamanya dalam aspek pengalaman dan pensejarahan sangat penting dan tidak boleh diketepikan dalam menghasilkan sesebuah karya. Kajian ini juga telah memperlihatkan hubungan antara pengarang dengan karya yang dihasilkannya. Kajian lepas ini telah menggunakan teori Dialogisme dimana berbeza dengan teori yang digunakan oleh pengkaji iaitu teori Intertekstualiti oleh Mikhail Bakhtin.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Norazilah, Nor Azlili dan Nik Norazira pada tahun 2020 bertajuk Novel *Kasyaf Ain* dan Warisan Budaya Melayu. Fokus kajian ini adalah menganalisis warisan budaya Melayu yang terdapat dalam novel *Kashaf Ain* melalui aplikasi kaedah analisis kandungan yang dianalisis dalam setiap bab dan bahan

kajian lepas berkaitan novel dan warisan budaya Melayu. Hasil kajian merumuskan bahawa novel Kashaf Ain mengandungi banyak unsur warisan budaya Melayu yang boleh dijadikan ilmu dan pendidikan kepada masyarakat setempat dan generasi muda. Unsur-unsur warisan budaya dapat dikenal pasti melalui bahasa, tatasusila, dialek, tingkah laku sosial dan institusi kekeluargaan. Unsur-unsur ini juga boleh dianggap sebagai medium intelektual dan praktikal bagi masyarakat Melayu. Kajian lepas ini berbeza dengan kajian pengkaji kerana mengupas penggunaan unsur-unsur warisan budaya Melayu dalam penulisan dalam novel Ramlee Awang Murshid, sedangkan kajian pengkaji tidak menjurus kepada penulisan pengarang.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Aramugam dan Balakrishnan pada tahun 2022 yang berjudul Norma Eufemisme dalam Novel Ramlee Awang Murshid. Objektif kajian ini terbahagi kepada tiga iaitu mengenal pasti jenis norma dan kaedah Eufemisme, menghuraikan Eufemisme norma, kaedah dan fungsi, serta merumuskan pertalian antara norma Eufemisme, perspektif kaedah dan fungsi dengan kesantunan bahasa. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang merangkumi kaedah analisis teks menggunakan sepuluh buah novel karya Ramlee Awang Murshid. Selain itu, kajian ini juga menggunakan prinsip Kesantunan Leech (1983) dan pendekatan Allan dan Burridge (2006). Pada akhir kajian, dapat disimpulkan kepengarangan Ramlee Awang Murshid melalui novel-novelnya menunjukkan bahawa penggabungan eufemisme dari aspek gaya bahasa dengan aspek pragmatik telah menyempurnakandapatan kajian berkenaan dengan norma eufemisme dan membuka ruang dalam unsur Eufemisme. Kajian lepas ini berbeza dengan kajian pengkaji dari aspek penggunaan teori dimana kajian ini menggunakan pendekatan kesantunan, manakala pengkaji menggunakan teori Intertekstualiti.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Norhidayu dan Zaitul Azma pada tahun 2017 berjudul *Kiasan Dalam Novel Cinta Sang Ratu* dari Sudut Pragmatik. Objektif kajian lepas ini ialah mengenal pasti jenis kiasan dalam novel dan menganalisis makna kiasan menggunakan teori Relevan. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah secara kualitatif dengan menganalisis teks novel *Cinta Sang Ratu*. Hasil analisis kajian mendapati terdapat tiga jenis kiasan yang terkandung dalam novel yang dikaji iaitu metafora, simile dan personifikasi. Setiap jenis kiasan memiliki konsep dan ciri tersendiri. Kajian lepas ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji, iaitu menganalisis teks untuk mendapatkan data unsur naratif seperti plot, latar dan watak berdasarkan novel dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Murshid.

Kajian seterusnya adalah kajian yang dilakukan oleh Amir Zakir et. al pada tahun 2021 yang bertajuk *Sejarah Tempatan Sebagai Subjek Novel Melayu Mutakhir*. Kajian ini telah menggunakan novel *Luka Nering* sebagai bahan kajian. Novel tersebut merupakan novel fiksyen sejarah Kesultanan Melayu Perak karya Malim Ghazali PK. Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan mengenai proses dan bentuk kreatif dalam penghasilan novel *Luka Nering* yang bersandarkan peristiwa Perjanjian Pangkor 1874 sebagai subjek utama. Pengumpulan data bagi penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah kepustakaan sebagai instrumen kajian bagi menganalisis bahan kajian. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori Intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva sebagai kerangka analisis. Akhir sekali, hasil dapatan menyimpulkan bahawa proses pengkaryaan novel *Luka Nering* adalah kemasukan dari teks luar iaitu peristiwa Perjanjian Pangkor 1874 ke teks baharu. Kajian lepas ini berbeza dengan kajian pengkaji kerana kajian lepas ini mengkaji novel berfiksyen sejarah manakala pengkaji akan meneliti teks novel sastera.

Kajian seterusnya adalah kajian yang dilakukan oleh Azlina Asaari et. al pada tahun 2017 yang bertajuk *Susuk, Wanita dan Objection* dalam Filem Seram Kontemporari Melayu. Dalam kajian ini menerangkan bahawa terdapat pelbagai kajian yang telah dijalankan tentang watak wanita dalam filem seram di Malaysia, namun kurang menekankan hubungan watak wanita dan susuk. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti watak wanita dan susuk dalam kontemporari Melayu iaitu filem *Susuk* yang diterbitkan pada tahun 2008 dan filem *Sumpahan Kum Kum* yang diterbitkan pada tahun 2012. Kajian ini dijalankan dengan mengaplikasikan konsep *objection* dari teori Psikoanalisis Feminisme yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva pada tahun 1982. Kaedah yang digunakan adalah berdasarkan pendekatan kualitatif dengan menganalisis tekstual bagi mencari ideologi dan makna yang wujud dari hubungan antara wanita, susuk dan genre filem seram. Hasil analisis mendapati bahawa kedua-dua filem ini mampu mencabar ideologi patriarki yang menetapkan semua perkara dalam dunia ini adalah stabil dan perlu distabilkan. Kajian lepas ini berbeza dengan kajian yang dilakukan pengkaji kerana kajian lepas ini berfokuskan kepada unsur feminisme manakala kajian pengkaji berfokuskan kepada adaptasi filem dari novel.

Akhir sekali, kajian yang dijalankan oleh Sita Magfira dan Hastanti pada tahun 2018 yang berjudul *Wacana Gender dalam Medium Karya Seni Rupa Menurut Semiotik Julia Kristeva*. Kajian ini mengaplikasikan konsep teori Semiotik yang dipelopori oleh Julia Kristeva bagi menganalisis wacana gender dalam karya seni visual berdasarkan logik medium seni visual seperti tanda, simbol dan bahasa visual. Terdapat tiga objektif kajian iaitu wacana gender dalam medium seni visual, konsep semiotik Julia Kristeva dan menganalisis wacana *gender* dalam medium seni visual.. Kajian ini menggunakan kajian literatur secara sekunder dan primer dengan melakukan inventori data, klasifikasi data, analisis data dan pembentukan data. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa alam

bawah sedar telah mempengaruhi pilihan medium karya seni rupa seniman. Oleh itu, terdapat perbezaan antara medium karya seniman lelaki dan wanita.. Perbezaan kajian lepas ini dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji adalah, pengkaji menggunakan teori Intertekstualiti sebagai panduan untuk membuat analisis kajian



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.3 Pengkajian mengenai Karya-karya Ramlee Awang Murshid

Nur Afifah et. al telah menjalankan kajian pada tahun 2021 yang bertajuk Hubungan Alam dan Manusia dalam Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017. Kajian ini telah dilakukan dengan tujuan mendapatkan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia. Dalam kajian yang dilakukan, pengkaji menerangkan bahawa filem *Tombiruo: Penunggu Rimba (TPR), 2017*, adalah bersifat aksi mitos yang bersandarkan unsur kepercayaan semangat alam dalam kalangan masyarakat pedalaman atau lebih kepada etnik Dusun di Sabah. Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji representasi alam dan manusia sebagai subjek dalam filem TPR. Teori yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah berdasarkan pendekatan Ekosentrisme yang digagaskan oleh Aldo Leopold 1949 bagi menjawab objektif kajian. Hasil dapatan yang dipaparkan menunjukkan isu pentingnya menjaga keseimbangan antara manusia dan alam. Selain itu, watak Tobugi, Tombiruo dan Pondolou juga dipaparkan sebagai agen penghubung dan pemelihara alam. Pendekatan kualitatif telah digunakan dengan merujuk kepustakaan dan pemerhatian pada teks novel. Berdasarkan kajian lepas ini, pengkaji dapati terdapat perbezaan dari segi penggunaan teori yang dipilih kerana pengkaji akan menerapkan teori Intertekstualiti manakala penelitian yang dijalankan oleh Nur Afifah et. al 2021 telah menggunakan pendekatan Ekosentrisme.

Seterusnya, Nazirah Ismail et. al telah melakukan kajian wacana *thriller* pada tahun 2020 yang berjudul Elemen Latar dalam novel *Thriller Legasi Tombiruo*. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan membincangkan salah satu unsur kontekstual wacana iaitu unsur latar. Kajian ini menggunakan kaedah analisis wacana oleh Normaliza Abdul Rahim (2019). Reka bentuk kajian ini berbentuk kualitatif dan wadah kajian ini ialah sebuah novel bercetak bertajuk 'Legasi Tombiruo' karya Ramlee

Awang Murshid. Akhir sekali, hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa dalam novel Legasi Tombilo berjaya merealisasikan latar dalam novel tersebut. Kajian wacana lepas ini adalah berbeza dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji iaitu pengkaji akan mengkaji bagaimana unsur naratif ditransformasikan kepada filem manakala kajian wacana ini hanya berfokuskan kepada elemen latar dalam novel *thriller*.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Syafawati dan Muhammad Hafizan pada tahun 2018 yang bertajuk Pengkisahan Dalam Al-Quran: Kajian Intertekstualiti antara Kisah Nabi Musa A.S dengan Novel *Sunan Musafir* karya Ramlee Awang Murshid. Kajian itu menyerlahkan perkaitan antara kisah Nabi Musa al-Quran dan protagonis novel Sunan Musafir karya Ramli Awang Murshid. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan teknik analisis tematik. Penyelidikan telah mendedahkan tujuh persamaan asas antara kisah Nabi Musa dan protagonis novel Sunan Musafir. Kajian ini merupakan penyiasatan awal yang penting untuk membuktikan bahawa mengadaptasi sejarah dan ajaran al-Quran dengan situasi semasa boleh dilakukan dengan cara yang lebih menarik dan menyeluruh seiring dengan kemajuan manusia dalam pembangunan intelektual dan teknologi. Perbezaan kajian lepas ini dengan kajian pengkaji adalah kajian pengkaji tidak menganalisis perbandingan kajian seperti mana yang dilakukan dalam kajian ini.

Kajian yang dilakukan oleh Mumtaz et. al pada tahun 2022 yang berjudul Unsur Estetika Bahasa yang terdapat dalam Novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Kajian ini dijalankan dengan dua tujuan. Salah satunya ialah mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur estetika bahasa yang terdapat dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Dalam kajian ini, teori puisi sastera Melayu yang diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh digunakan untuk mengukuhkan analisis kajian. Metodologi kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan teknik

perpustakaan dan menganalisis teks bagi memastikan data yang diperolehi adalah sistematik dan tepat. Untuk mendapatkan data, kajian ini memberikan pengkaji pemahaman yang lebih mendalam tentang bahasa puisi Magis Roma. Hasil ini membuktikan bahawa unsur estetika bahasa dapat menzahirkan emosi khalayak di samping mendidik mereka melakukan perkara yang lebih baik dan beradab.. Kajian lepas ini berbeza kerana pengkaji tidak melihat unsur estetika bahasa pada novel kajian. Pengkaji akan memfokuskan kepada unsur naratif dalam novel *Tombiruo* karya Ramlee Awang Murshid.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Nur Izwan dan Halimah pada tahun 2018 yang bertajuk *Sutera Bidadari*, Sebuah Novel Triler dan Media Baru. Fokus kajian ini adalah berlandaskan kepada fungsi media dalam pembikinan novel *Sutera Bidadari*, 2011 karya Ramlee Awang Murshid. Teori media baharu, yang merangkumi beberapa elemen utama seperti simulasi, komuniti maya, kelajuan, dan interaktiviti, peranan dan sumbangan media baharu telah dimasukkan dalam penghasilan novel. Kajian ini juga menggunakan teori Proses Kreatif untuk memberi tumpuan kepada cara penulis berurusan dengan media baharu. Pendekatan kualitatif digunakan sebagai metod kajian bagi mendapatkan data dengan membuat pemerhatian dan penganalisan teks dan komen peminat daripada pelbagai blog yang berkaitan. Untuk mengesan pengaruh media baharu, ulasan media baharu pada teks dan komen peminat dari laman blog yang berkaitan dengan karya turut dianalisis. Kajian lepas ini berbeza dengan kajian pengkaji kerana, pengkaji tidak menilai kepengarangan Ramlee Awang Murshid dalam novelnya iaitu novel *Tombiruo*.

Kajian yang seterusnya adalah kajian yang dilakukan oleh Norazilah et. al pada tahun 2022 yang berjudul Manifestasi Budaya Peradaban Melayu dalam Novel *Kasyaf*

Ain: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. Fokus penyelidikan adalah mengenal pasti bagaimana faktor persekitaran digunakan untuk menengahkan isu akidah dan nilai tradisi dalam novel *Kashaf Ain* karya Ramlee Awang Murshid berdasarkan teori dicetuskan oleh Hashim Awang pada 2002 iaitu Pengkaedahan Melayu (TPM). TPM diaplikasikan sebagai kerangka kajian untuk membuktikan bahawa teori ini boleh digunakan bagi mengesahkan manifestasi budaya tamadun Melayu dalam novel yang dikaji. Oleh itu, dalam novel *Kashaf Ain*, kaedah semula jadi dan agama digunakan untuk menganalisis budaya tamadun Melayu melalui TPM. Kaedah kajian yang digunakan adalah kualitatif iaitu kandungan dan budaya tamadun Melayu dianalisis dalam setiap bab novel dan dibentangkan manifestasinya. Dapatan kajian merumuskan bahawa novel yang diselidiki menunjukkan faktor persekitaran seperti persekitaran, kepercayaan dan nilai tradisi dalam kehidupan membentuk gaya hidup dan budaya masyarakat Melayu. penyelidikan lepas ini berbeza dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji kerana pengkaji memfokuskan unsur naratif sebagai panduan melakukan kajian. Kajian yang dilakukan oleh Balakrishnan et. al pada tahun 2020 yang berjudul Unsur Eufemisme dalam Novel *Ranggau*. Tujuan kajian ini adalah untuk menghuraikan jenis-jenis eufemisme yang terkandung dalam novel. Pengkaji menggunakan teknik kualitatif untuk menganalisis teks berdasarkan pendekatan Alan dan Burrige pada tahun 1991. Selain itu, kajian ini akan mengenal pasti konotasi negatif, penggantian, dan bahasa kiasan sebagai jenis eufemisme dalam fiksyen penyelidikan. Analisis mendedahkan bahawa eufemisme dengan konotasi negatif paling kerap digunakan semasa menulis novel ini. Kajian lepas ini berbeza kerana pengkaji memfokuskan kepada unsur naratif dalam filem adaptasi novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Murshid.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Hani Salwah pada tahun 2018 yang bertajuk Kepercayaan *Spiritual* Masyarakat Kadazandusun yang telah dipresentasikan dalam Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan bagaimana akidah kerohanian ingin disampaikan dalam filem adaptasi novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* oleh Ramlee Awang Murshid. Teknik kualitatif deskriptif digunakan dalam kajian ini dengan membandingkan aspek unsur naratif novel dan filem. Berdasarkan analisis kajian, didapati filem tersebut tidak menggambarkan secara jelas kepercayaan dan adat resam masyarakat Kadazandusun, dan juga tidak memperincikan dengan jelas huraian plot atau sebab-sebab aksi watak-watak dalam satu babak. Ini jelas menunjukkan kajian lepas ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji iaitu pengkaji akan meneliti filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* dari sudut transformasi dari aspek unsur naratif.

Artikel jurnal Nur Aifaa Nabila et. al pada tahun 2020 yang bertajuk Proses Transformasi Naratif Daripada Novel ke Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* (TPR) 2017. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan proses transformasi yang dilalui oleh naratif TPR apabila diadaptasi dari novel ke filem. Data kajian diperolehi berdasarkan penyelidikan fundamental dengan kaedah kualitatif. Instrumen kajian adalah menganalisis kandungan terhadap novel dan filem TPR. Artikel ini telah mengaplikasikan teori Intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva sebagai kerangka analisis. Perbezaan kajian lepas ini dengan kajian pengkaji adalah, pengkaji telah memfokuskan unsur naratif seperti plot, peristiwa dan watak perwatakan sahaja.

Akhir sekali, kajian yang dilakukan oleh Kiffli dan Nurul Afini pada tahun 2021 yang bertajuk Elemen-elemen Adaptasi dalam Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* (TPR). Kajian ini bertujuan untuk meneliti aspek-aspek adaptasi yang terkandung dalam

penghasilan filem *Penunggu Rimba* yang telah diadaptasi dari novel *Tombiruo* karya Ramlee Awang Murshid. Penelitian ini telah menerapkan pendekatan teori Adaptasi yang diasaskan oleh Linda Hutcheon pada tahun 2008 berdasarkan kaedah kualitatif dengan membuat tinjauan beberapa kajian terdahulu. Terdapat empat bidang utama penyelidikan. Sumber penyesuaian dan kaedah penyesuaian, tujuan penyesuaian, kumpulan atau kumpulan sasaran, dan konteks. Hasil kajian menunjukkan keempat-empat elemen adaptasi telah digunakan oleh pembikin filem terhadap penghasilan filem adaptasi TPR. kajian lepas ini berbeza dengan kajian pengkaji kerana pengkaji tidak mengkaji aspek-aspek adaptasi tetapi mengkaji unsur naratif dalam adaptasi filem dari novel *Tombiruo:Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Murshid.

2.4 Pengkajian Tentang Teori Intertekstualiti

Rusmawati & Mawar Safei telah menulis kajian pada tahun 2015, yang bertajuk Intertekstualiti dan Konflik Sosial dalam *Angin Timur Laut*. Kajian ini dilakukan dengan menumpukan penelitian terhadap hubungan dan proses antara teks dalam penghasilan novel Melayu, iaitu hubungan dan proses tersebut dihubungkan dengan Intertekstualiti iaitu fenomena wujudnya teks dalam sebuah teks. Dalam kajian tersebut, pengkaji membentangkan rumus Intertekstual mengenai hubungan antara hiperteks (novel) dengan hipoteks (cerpen) untuk mengupas proses yang diajukan, kewajaran dan makna yang ingin dilakukan oleh penulis. Penyelidikan ini lebih bersandarkan kepada kepengarangan S.Othman Kelantan yang menghuraikan mengenai ketekalan dan kecenderungan terhadap penciptaan karya-karya yang bercirikan intertekstual. Fokus teks kajian ini adalah daripada teks novel yang berjudul *Angin Timur Laut, 1967* dan teks asalnya iaitu cerpen yang berjudul sama. Hasil kajian ini didapati bahawa berdasarkan kerangka teori Intertekstual, S. Othman Kelantan mempertonjolkan kesetiaanya kepada teks awal melalui genre cerpen yang dikembangkan kepada novel. Dalam kajian ini terdapat perbezaan fokus penelitian kajian dengan kajian yang akan dilakukan. Kajian Rosmawati & Mawar Safei 2015 adalah berfokus kepada teks cerpen dan teks novel yang bertajuk *Angin Timur Laut, 1967* manakala kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah hanya berfokuskan kepada teks novel sahaja. Oleh itu, kajian lepas ini dipilih sebagai rujukan untuk mendapatkan maklumat sampingan bagi mendapatkan hubungan teks dengan filem adaptasi.

Mohd Shahremy menulis kajian pada tahun 2021 yang bertajuk Intertekstualiti Kiriman Blog dalam Kalangan Remaja berdasarkan *Gender*. Kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah kualitatif dan dianalisis menggunakan teori Intertekstual Julia

Kristeva. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji Intertekstualiti teks antara dua remaja heteroseksual serta menganalisis penggunaan teks dalam catatan blog dan proses semantik melalui Intertekstualiti dalam penulisan blog oleh remaja berlainan jantina. Analisis data dalam kajian ini adalah berdasarkan empat formula Intertekstualiti. Hasil kajian ini merumuskan bahawa teks yang diterima oleh golongan muda melalui penulisan di Internet tidak hanya dipengaruhi oleh teks lain. Pengarang juga membuktikan bahawa makna sedia ada sesuatu teks mempengaruhi maknanya. Perbezaan kajian lepas ini dilihat daripada penggunaan teori intertekstualiti iaitu kajian lepas ini telah menerapkan teori intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva manakala pengkaji menggunakan teori intertekstualiti yang digagaskan oleh Mikhail Bakhtin untuk menganalisis teks novel.

Seterusnya kajian penyelidikan yang telah dilakukan oleh Habibur pada tahun 2016 yang bertajuk Analisis Intertekstualiti dalam Puisi dinyanyikan karya Taufiq Ismail. Fokus kajian penyelidikan ini ialah syair agama Tawfiq Ismail iaitu Lagu Puisi, yang terkandung dalam buku Mengakar ke Bumi Mengapai ke Langit 1, terbitan antara tahun 1953 hingga 2008. Terdapat tiga objektif utama: untuk mengenal pasti hubungan antara ayat-ayat ini dengan teks Al-Quran dan Hadis, untuk menjelaskan lapisan makna tersirat, dan untuk meneroka prinsip intertekstual yang terdapat dalam ayat-ayat tersebut. Metodologi kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif semasa menjalankan kaedah kajian melalui literatur. Sebanyak 92 buah puisi telah dianalisis menggunakan teori intertekstual yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva. Hasil kajian ini merumuskan bahawa hampir kesemua syair agama Tawfiq Ismail mempengaruhi teks al-Quran dan Hadis. Kajian lepas ini berbeza dengan kajian yang akan dikaji oleh pengkaji kerana kajian ini berfokus pada teks puisi, manakala kajian pengkaji memfokuskan pada teks novel.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Nursham pada tahun 2015 yang berjudul Novel-novel Terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekstualiti. Dalam kajian ini, Nursham telah menganalisis tiga buah novel terpilih karya Azizi Hj Abdullah iaitu *Seorang Tua di Kaki Bukit* (1982), *Memori Seorang guru* (2007) dan *Beruk* (2010) menggunakan teori Intertekstualiti. Dalam analisis ini, kami menggunakan tiga prinsip utama teori intertekstualiti: prinsip transformasi, prinsip pembetulan, dan prinsip lanjutan. Kajian terhadap isu yang diketuai oleh pengarang Azizi Hj Abdullah, yang cenderung untuk meneliti dan merujuk kepada sumber asal untuk ditangani dalam karya baharu. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa penulisan Azizi Hj Abdullah adalah merujuk kepada konteks hipoteks. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis teks-teks novel yang dipilih. Pada kesimpulan kajian ini, prinsip-prinsip teori Intertekstualiti membuktikan bahawa pengarang berjaya menggabungkan pelbagai kaedah secara kreatif dan inovatif untuk menjadikan novel sebagai wadah maklumat dan makna baharu bagi membentuk jati diri kepengarangan. Kajian lepas ini telah menganalisis tiga buah novel Azizi Hj Abdullah sebagai bahan kajian manakala pengkaji hanya menganalisis satu teks novel sahaja iaitu novel *Tombiruo* karya Ramlee Awang Murshid.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Wan Othman et. al pada tahun 2021 yang bertajuk Novel-novel Tehrani: Kajian Intertekstualiti dan Dakwah. Kajian ini telah mengkaji novel-novel karya Faisal Tehrani berdasarkan teori Intertekstualiti dan teori pengkaedahan Melayu. Penganalisisan ini menggunakan tiga prinsip teori Intertekstualiti iaitu prinsip transformasi, modifikasi dan ekspansi serta pengkaedahan dakwah dalam teori pengkaedahan Melayu. Persoalan kajian ini berkaitan dengan Faisal Tehrani sebagai seorang yang menjadi sumber, dan menyelidik bahan untuk berdakwah dalam penghasilan novel. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hipogram,

mengaplikasikan teori Intertekstualiti dan Pengkaedahan Melayu, serta menguji kesesuaian kedua-dua teori tersebut untuk pengguna. Tinjauan ialah pendekatan penyelidikan kualitatif yang menganalisis teks dan menemu ramah responden berhubung dengan bahan tinjauan. Di akhir kajian, ternyata Faisal Teherani menulis dengan merujuk kepada Hipogram untuk berdakwah menggunakan teori intertekstual dan metodologi Melayu. Kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji adalah berbeza dengan kajian lepas ini kerana pengkaji hanya menggunakan satu teori sahaja iaitu teori Intertekstualiti oleh Mikhail Bakhtin.

Kajian Izra Inna et. al pada tahun 2020 yang bertajuk Konflik Watak dan Perwatakan dalam *Saladin the Animated Series: Analisis Intertekstualiti* telah menumpukan pemerhatian terhadap watak dan perwatakan hipoteks biografi Sultan Salahuddin al-Ayubi. Watak dan personaliti ini dikaji menggunakan teori intertekstualiti untuk melihat proses tekstual dalam konteks teks atau kajian. Kajian teks watak dan analisis watak, memfokuskan kepada watak Saladin, Tariq, Anitha dan Omar. Metodologi kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan membuat pemerhatian dan menganalisis terhadap watak dalam cerita yang dipilih. Hasilnya, ternyata Steve Bristow, pengarah siri animasi Saladin, mengubah biografi Sultan Salahuddin Al-Ayubi. Kerja awal ini berbeza dengan kerja pengkaji. Ini kerana walaupun karya awal ini hanya menganalisis watak dan watak, analisis penyelidikan penyelidik merangkumi plot, latar, peristiwa dan watak. Perbezaan penyelidikan lepas ini dengan pengkaji adalah, pengkaji akan memfokuskan kepada aspek unsur naratif dalam filem adaptasi *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Murshid.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Norhayati pada tahun 2018 yang bertajuk Kajian Intertekstualiti dalam Novel-novel Siti Zainon Ismail. Kajian ini telah

menganalisis dua buah novel karya Siti Zainon Ismail iaitu *Pulau Renik Ungu* yang ditulisnya pada tahun 1995 dan *Ranting Senja* yang ditulis pada tahun 2009 dengan menggunakan teori Intertekstualiti oleh Julia Kristeva pada tahun 1980. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sumber daripada teks hipotesis, mengaplikasikan prinsip teori Intertekstualiti, dan menilai faktor-faktor yang mempengaruhi pengarang untuk mengaplikasikan ketiga-tiga prinsip teori tersebut. Kaedah kajian yang digunakan ialah pendekatan kualitatif dan kuantitatif berdasarkan tinjauan literatur dan temu bual. Kajian telah mendedahkan bahawa Siti Zainon Ismail merujuk kepada hipotesis dan menjalankan proses transformasi, sama ada secara abstrak atau formal, termasuk penghantaran dan penjelmaan episod untuk mengesahkan maksud hipotesis. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah berbeza dengan kajian lepas dari segi penggunaan bahan kajian, manakala pengkaji hanya memfokuskan satu novel sahaja iaitu novel *Tombiruo* karya Ramlee Awang Murshid dengan menggunakan teori Intertekstualiti oleh Mikhail Bakhtin.

Kajian yang dilakukan oleh Shuib pada tahun 2005 yang bertajuk *Konsep Alam Pantun Melayu: Analisis Intertekstualiti*. Dalam kajian ini, penyelidik memilih sehingga 150 puisi Melayu bertemakan keagamaan daripada buku *Puisi Melayu Khunpuran Zainal Abidin Bakar*, terbitan 1984 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Teori yang digunakan sebagai panduan melakukan kajian ini berdasarkan teori Intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva. Kaedah kajian adalah menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis data melalui teks pantun yang dipilih. Hasil kajian menunjukkan wujudnya prinsip teori Intertekstualiti iaitu proses-proses transformasi, modifikasi, haplolog dan parallel ke atas pantun yang dikaji. Berbeza dengan kajian yang pengkaji akan jalankan kerana pengkaji akan memfokuskan teks dalam novel *Tombiruo* bagi mendapatkan data kajian.

Kajian berhubung teori Intertekstualiti juga ada dilakukan oleh Abdul Rahman Napiah pada tahun 1991 yang bertajuk *Tuah-Jebat dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti*. Pengkaji telah membuat kajian terhadap drama-drama *Tuah-Jebat* dengan bersandarkan teori Intertekstualiti yang telah diperkenalkan oleh Julia Kristeva pada tahun 1980 dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi menganalisis data kajian. Hasil dapatan membuktikan bahawa kajian ini telah menonjolkan prinsip-prinsip Intertekstualiti yang mendominasi hiperteks dengan nyata. Kajian lepas ini telah memfokuskan kepada drama Melayu manakala kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji merupakan filem adaptasi daripada novel.

Akhir sekali, kajian yang dilakukan oleh Nur Ainun et.al pada tahun 2022 yang bertajuk *Intertekstualiti Puisi Negeri Para Bedebah Karya Adhie Massardi Terhadap Novel Negeri Para Bedebah Karya Tere Liye: Telaah Intertekstual Julia Kristeva*. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara dua karya, puisi Adi Massardi Negeri para Bedebah dan novel Para Bedebah karya Tere Liye. Kajian ini berdasarkan teori intertekstualiti yang ditekankan oleh Julia Kristeva. Penyelidikan ini dijalankan melalui analisis tekstual antara kedua-dua karya untuk mewujudkan makna kedua-dua teks dan menghubungkannya dengan teks sosial dan sejarah pada zaman di mana karya itu dihasilkan. Hasil analisis, ternyata kedua-dua karya tersebut mempunyai tajuk yang sama tetapi kandungan yang berbeza. Kajian lepas ini adalah berbeza dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji kerana pengkaji akan meneliti filem adaptasi dari novel iaitu novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Murshid.

2.5 Pengkajian mengenai Filem Adaptasi

M. Fazmi & Zairul Anuar pada tahun 2019 telah menulis penyelidikan yang berjudul Analisis Semiotik Watak dalam Filem *Terbaik dari Langit*. Dalam kajian tersebut, pengkaji menganalisis sistem penanda dan tanda yang membawa maksud konteks watak dan perwatakan dalam filem. Pengkaji juga menjelaskan bahawa filem adalah suatu teks yang memiliki makna serta multitafsir yang teratur dari segi tanda dan penanda. Kajian penyelidikan ini menjurus kepada teori Semiotik yang digagaskan oleh Roland Barthes, 1952 yang juga mengembangkan sistem tanda *Pierce* yang lebih besar, yang boleh dilihat melalui dua tahap signifikasi petanda dan penanda kepada mitos, konotasi dan denotasi. Hasil daripada kajian ini, pengkaji telah menyimpulkan konflik bagaimana konstruksi maksud dalam filem pilihan dihubungkan dengan analisis semiotik dan watak. Bagi mendapatkan sistem tanda yang ingin diketengahkan, pengkaji telah meneliti pemilihan adegan-adegan yang ada pada watak tertentu. Selain itu, pengkaji juga mendapati filem yang bersifat naratif hubungan sosial budaya bukan hanya animasi yang bergerak tetapi melibatkan kepelbagaian mesej yang ingin disampaikan melalui sistem tanda dan makna. Kajian lepas ini adalah berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji kerana M. Fazmi & Zairul Anuar, 2019, telah mengkaji sistem penanda dan tanda yang membawa maksud konteks watak dan perwatakan dalam filem *Terbaik Dari Langit* menggunakan teori Semiotik manakala kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah adaptasi elemen naratif novel ke filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Murshid menggunakan teori Intertekstualiti.

Kajian yang seterusnya adalah kajian yang dijalankan oleh Mohamed Nazreen et al pada tahun 2020 yang berjudul Adaptasi Teks Sejarah Kepada Filem; Kajian Bandingan Teks *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* kepada Filem *Queens of Langkasuka*. Fokus kajian adalah membandingkan filem Ratu Langkasuka dengan teks sejarah

Kerajaan Melayu Patani, menunjukkan tahap persamaan antara teks sejarah dan filem, dan menyiasat teknik adaptasi yang digunakan oleh pengarang. Teori Adaptasi telah digunakan untuk mencapai objektif kajian dan bagi melihat aspek yang ditambah, dibuang dan dikekalkan. Kaedah penyelidikan adalah berdasarkan kaedah kualitatif dengan menganalisis filem, teks dan membandingkan kedua-duanya. Hasil kajian mendapati bahawa ketiga-tiga teknik adaptasi ini telah digunakan dalam menghasilkan filem adaptasi *Queens of Langkasuka*. Dari segi perbandingan, banyak elemen yang ditambah, dibuang dan diganti dan sengaja diubah. Perbezaan kajian lepas ini dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah dilihat daripada aspek penggunaan teks novel dan teori. Pengkaji telah menggunakan teks novel sastera yang dikaji berdasarkan teori intertekstualiti manakala kajian ini mengkaji berdasarkan teks sejarah menggunakan teori Adaptasi.

Kajian seterusnya adalah kajian yang dilakukan oleh Nur Syuhada pada tahun 2018 yang berjudul Kajian Perbandingan Watak dan Perwatakan di dalam Filem Adaptasi *JOGHO* dan novel *Juara*. Dalam kajian ini, pengkaji menilai tahap filem adaptasi yang dihasilkan dari segi perwatakan dan perwatakan. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan kesetiaan dan kaitan teori transtekstualiti dalam adaptasi filem melalui aspek penambahan, pengurangan, pengekal, atau pengubahan selepas proses adaptasi filem selesai. Tujuan kedua adalah untuk mempertimbangkan sumber-sumber kesilapan yang muncul dalam watak dan watak antara filem dan novel. Metodologi kajian ini adalah menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah kajian teks analitikal dan memfokuskan kepada lima watak cerita dari pelbagai perspektif seperti ciri dan perwatakan watak, plot dan pembangunan watak. Pada akhir kajian, perspektif berbeza muncul dalam menilai tafsiran adaptasi filem yang dikaji dari segi watak. Kajian lepas ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan iaitu menganalisis beberapa unsur naratif

iaitu plot, latar dan watak perwatakan. Manakala kajian ini, telah mengkaji ciri-ciri watak dan perwatakan sahaja.

Kajian yang dilakukan oleh Nazreen Shahul dan Md Salleh Yaapar pada tahun 2015 yang bertajuk Adaptasi Teks *Hikayat Merong Mahawangsa* ke Filem. fokus kajian ini adalah berkaitan dengan filem adaptasi yang berfokus kepada teks *Hikayat Merong Mahawangsa*. Penelitian ini menekankan kepada aspek naratif. Dalam kajian ini, mereka telah menghuraikan perbandingan pelbagai sudut elemen seperti latar, watak, teknik penulisan, plot dan tema untuk mengkaji sejauh mana adanya perbezaan dan persamaan berdasarkan filem *Hikayat Merong Mahawangsa* dan teks asal. Kajian dikaji berpaksikan kepada teori Adaptasi yang diasaskan oleh Desmond & Hawkes, 2006. Metodologi kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis teks *Hikayat Merong Mahawangsa*, Dapatan kajian menyimpulkan bahawa bentuk adaptasi yang digunakan dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa* merupakan adaptasi longgar atau *loose adaptation*. Perbezaan kajian lepas ini dengan kajian pengkaji, ialah kajian lepas ini membandingkan pelbagai sudut elemen naratif manakala kajian pengkaji tidak melakukan perbandingan pada unsur naratif kajian.

Seterusnya, kajian Nur Yuhanis et. al. pada tahun 2016 yang bertajuk Animasi Cerita Bangsawan *Puteri Saadong: Adaptasi Teks dan Persembahan*. Tatakerja yang terlibat adalah adaptasi kisah lagenda Puteri Saadong yang diambil dari teks sastera tradisional Melayu yang bertajuk Hikayat Seri Kelantan. Dalam artikel beliau telah memfokuskan kepada penelitian elemen animasi dua dimensi (2D). Beliau telah mengkaji adaptasi dengan terperinci yang bersifat teknikal yang melibatkan kepada pengguguran, pengubahsuaian dan pengekal terhadap cerita animasi yang dipilih. Dalam kajian beliau mendapati penggunaan animasi dalam pembikinan filem adaptasi boleh dijadikan kaedah untuk menarik dan mengembangkan minat masyarakat dalam penghasilan filem

yang berkonsepkan karya warisan bangsa. Metodologi kajian ini dilakukan secara kualitatif dan kuantitatif deskriptif. Kajian ini merumuskan bahawa faktor peribadi seperti minat, jantina, umur, dan latar belakang pendidikan mempengaruhi persepsi individu terhadap keputusan yang sesuai. Perbezaan kajian lepas ini dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji adalah kajian lepas ini berbentuk kajian dua dimensi manakala kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji adalah berbentuk filem.

Kajian yang ditulis oleh Nor Hasmida dan Normaliza pada tahun 2019 yang bertajuk *Persamaan dan Perbezaan Plot di dalam Novel dan Drama Nur dari Sudut Wacana*. Dalam artikel mereka menulis tentang perbandingan plot yang terdapat dalam kedua-dua medium media, bercetak dan audio-video-visual (AVV). Hasil dapatan beliau mendapati terdapat perbezaan dan pengekal dalam plot drama *Nur*. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti persamaan dan membincangkan perbezaan antara drama dan novel *Nur*. Kajian ini bersifat kualitatif dan berdasarkan analisis skrip dan novel *Nur* untuk mengumpul data. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan analisis wacana yang diasaskan oleh Normaliza Abd Rahim (2018) sebagai rujukan penyediaan kajian. Hasilnya merumuskan bahawa adaptasi ini mempunyai perbandingan dalam karya seni. Kajian lepas ini berbeza dengan kajian yang akan dikaji oleh pengkaji kerana pengkaji tidak mengkaji unsur perbandingan antara filem dan novel.

Selain itu, kajian Wan Hasmah Wan Teh pada tahun 2015 yang berjudul *Proses Adaptasi: Kajian Lapan Karya Terpilih dari Malaysia dan Indonesia*. Kaedah penyesuaian, definisi penyesuaian, dan kontroversi telah dikaji dalam kajian ini. Kajian ini memperincikan perbezaan antara dua media, novel dan filem, dan menunjukkan gabungan kedua-dua media yang menghasilkan karya yang berbeza. Bagi menonjolkan proses adaptasi yang telah dilakukan oleh pengarah filem, beliau telah memilih empat

buah filem adaptasi dari Malaysia iaitu filem *Langit Petang* 1982, *Ranjau Sepanjang Jalan* 1983, *Mira Edora* 1990 dan *Jogho* 1997, serta empat buah dari Indonesia iaitu *Salah Asuhan* 1972, *Ayat-ayat Cinta* 2008, *Badai Pasti Berlalu* 1977 dan *Laskar Pelangi* 2008. Beliau telah mengemukakan kepentingan memahami konsep adaptasi oleh masyarakat khususnya kepada penulis dan penerbit filem. Selain itu, beliau juga menghuraikan proses adaptasi merupakan pemikiran dan usaha yang membanggakan kerana usaha ini dapat menterjemahkan karya asal kepada bentuk yang lain. Kajian mendapati pembikin filem lebih cenderung menggunakan proses adaptasi untuk mengubah pengakhiran cerita yang disokong oleh keinginan atau matlamat untuk menjelaskan makna baharu kepada penonton dan ianya telah dinilai berbeza daripada maksud novel. Penilaian adaptasi filem sebagai setia, sederhana atau longgar bukanlah ukuran mutlak kejayaan atau kegagalan sesebuah filem, sebaliknya kreativiti pengarah dan pasukan yang terlibat dalam pembuatannya. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis struktur teks beberapa novel yang dipilih. Kajian lepas ini berbeza dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji dimana pengkaji hanya memfokuskan satu novel sahaja untuk menganalisis proses transformasi novel ke filem berdasarkan elemen naratif iaitu filem adaptasi novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Murshid.

Kajian yang dilakukan oleh Nurul Amirah Azhar mengenai filem adaptasi pada tahun 2018 yang bertajuk Satu Kajian adaptasi dari Teks ke Filem *Di Bawah Lindungan Ka'abah* dan *Laskar Pelangi*. Kajian ini dijalankan menggunakan gabungan metodologi kuantitatif dan kualitatif untuk menjawab persoalan yang timbul daripada masalah adaptasi novel filem, berdasarkan sumber maklumat khusus yang diambil daripada sumber primer seperti soal selidik, pemerhatian dan temu bual, atau daripada sumber sekunder seperti kajian terdahulu, rujukan perpustakaan dan tinjauan internet.

Penyelidikan ini telah mengaplikasikan teori Adaptasi. Hasil kajian dan analisis data divisualisasikan dengan menjalin dua media: kesusasteraan dan filem. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah berbeza dengan kajian lepas ini, dimana pengkaji hanya menggunakan kaedah kualitatif untuk mengkaji teks novel *Tombiruo* karya Ramlee Awang Murshid.

Kajian yang dilakukan oleh M. Helmi dan Jamaluddin pada tahun 2018 yang bertajuk *Pemeriksaan Watak Wanita dalam Filem Berunsurkan Islam: Kajian Kes Ketika Cinta Bertasbih* yang memfokuskan kepada isu representasi wanita dalam filem berunsurkan Islam. Bagi mendapatkan data kajian, filem adaptasi novel *Ketika Cinta Bertasbih* arahan Hanung Bramantyo pada tahun 2009 telah dipilih sebagai bahan kajian. Filem ini dipilih menggunakan kaedah persampelan yang dianalisis secara terperinci menggunakan pendekatan tekstual. Analisis watak dilakukan menggunakan kritikan feminis dan teori sains sosial kenabian menggunakan teknik sinematik seperti tangkapan kamera, pergerakan kamera, dan dialog. Teori sains sosial kenabian adalah berdasarkan al-Quran, Surah Ali Imran ayat 110, di mana penyembuhan mempunyai dua makna, memanusikan dan membebaskan, dan konsep matlamat transendensi. Kajian lepas ini adalah berbeza dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji kerana pengkaji akan menganalisis unsur naratif yang terdapat dalam filem adaptasi novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*.

Akhir sekali, kajian yang dilakukan oleh Nor Izwani pada tahun 2007 yang bertajuk *Adaptasi Filem ke Teater: Kajian ke atas Perbandingan Plot dan Gaya Lakonan dalam Filem Puteri Gunung Ledang dan Teater Muzikal Puteri Gunung Ledang*. Tujuan kajian ini adalah untuk menyiasat dari perspektif adaptasi daripada filem ke teater dengan menyiasat aspek plot dan gaya lakonan dalam filem Puteri Gunung Ledang dan muzikal

Puteri Gunung Ledang. Perbandingan yang dilihat adalah berdasarkan jalan cerita dan gaya lakonan yang merangkumi aspek seperti percintaan, kesetiaan, dendam, pengorbanan, dan pertempuran. Bagaimanapun, penekanan dalam teater itu hanya pada kisah percintaan yang gagal antara Hang Tuah, Gusti Retno Dumila dan Sultan Mahmud. Penghasilan kajian ini adalah memfokuskan perbandingan kepada gaya lakonan watak. Metodologi kajian ini adalah berdasarkan pendekatan kualitatif dan mengaplikasikan teori Adaptasi untuk membuat perbandingan plot dan gaya lakonan dari filem Puteri Gunung Ledang ke teater Puteri Gunung Ledang. Perbezaan kajian lepas dan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji adalah, pengkaji akan memfokuskan kajian terhadap adaptasi dari novel ke filem.

2.6 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian-kajian yang dikaji oleh pengkaji terdahulu, terdapat banyak unsur adaptasi novel ke filem yang boleh dicontohi untuk mengadaptasi karya sastera kepada medium lain. Penggunaan unsur adaptasi menunjukkan minat pengarang terhadap masyarakat, agama, bangsa, dan isu semasa yang dihadapi masa kini. Walaubagaimanapun, pengkaji mendapati masih ada ruang dan kesempatan kepada generasi muda untuk mempelajari dan memahami proses transformasi sesebuah karya kepada medium yang lain. Berdasarkan kajian literatur yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa proses-proses adaptasi serta ketokohan pengarang banyak memasukkan unsur teori sastera yang berkaitan dengan fungsi dala institusi kekeluargaan, rakyat dan individu.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab tiga menjelaskan kaedah kajian yang digunakan untuk mengumpul data berdasarkan objektif kajian. Hornby (1985) menghuraikan bahawa metodologi adalah suatu bentuk langkah yang digunakan dalam melakukan kajian suatu topik tertentu. Pengkaji akan menerangkan reka bentuk kajian, sampel kajian, peralatan kajian, dan prosedur analisis data untuk menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Metodologi menerangkan bagaimana sesuatu masalah disiasat dan bagaimana teknik dan kaedah tertentu digunakan. Metodologi berperanan dalam menyumbang pemahaman tentang aplikasi kaedah dengan menerangkan proses penyelidikan.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Dalam kajian, terdapat tiga reka bentuk kajian yang boleh digunakan iaitu pendekatan kualitatif, kuantitatif dan gabungan. Namun, dalam kajian ini hanya pendekatan kualitatif yang digunakan untuk menganalisis dapatan kajian. Dalam pendekatan kualitatif, tiga kaedah yang telah digunakan iaitu kaedah kepustakaan, kaedah analisis tekstual dan sumber Internet yang dijadikan sebagai sumber rujukan. Pengkaji mengaplikasikan dua objektif iaitu:

- 3.2.1 Mengenal pasti proses transformasi berdasarkan aspek naratif menerusi elemen latar serta watak dan perwatakan yang ditransformasikan dari novel ke filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*.
- 3.2.2 Menganalisis ketepatan proses adaptasi dari novel ke filem novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* menggunakan teori Intertekstualiti.

3.3 KAEDAH KAJIAN


Kaedah kajian ini dilakukan melalui pendekatan kualitatif yang diteliti secara terperinci berdasarkan teks novel *Tombiruo* karya Ramlee Awang Murshid dan filem adaptasinya *Penunggu Rimba* terbitan Seth Larney. Pendekatan kualitatif digunakan untuk menganalisis teks yang akan dikaji bagi menjawab objektif kajian. Pendekatan ini mengandungi tiga kaedah iaitu kaedah kepustakaan, kaedah analisis teks dan sumber Internet. Pengkajian novel dijalankan terlebih dahulu untuk memahami unsur-unsur tekstual yang terdapat di dalam novel *Tombiruo* karya Ramlee Murshid. Selepas itu, pengkaji meneliti dan memahami cerita filem dengan menonton filem bagi mengkaji unsur-unsur naratif yang terdapat di dalam filem *Penunggu Rimba*. Usaha untuk meneliti persoalan kajian berteraskan kepada teori Intertekstualiti yang dipelopori oleh Bakhtin Mikhail pada tahun 1926. Oleh yang demikian, penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah perpustakaan atau kajian perpustakaan ialah kaedah yang digunakan bagi mendapatkan data dan bukti kajian. Penyelidik menggunakan kaedah ini bagi mencari maklumat berkaitan tajuk kajian. Proses mendapatkan maklumat terutamanya terdiri daripada membaca dan merujuk kepada novel, buku, jurnal, dan penyelidikan yang dilakukan terhadap filem adaptasi novel oleh penyelidik terdahulu. Pengkaji akan menggunakan segala maklumat yang diperolehi untuk menyiapkan kajian ini. Dengan menggunakan pendekatan filologi, pengkaji akan meneliti teks penuh novel *Tombiruo* karya Ramlee Awang Murshid, serta adaptasi filemnya, *Penunggu Rimba*, terbitan Seth Larney pada 2017. Penyelidik menjalankan rujukan dan penyelidikan di Perpustakaan Kampus Bachok, Universiti Malaysia Kelantan.

3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual

Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis tekstual yang dikaji melalui pembacaan terhadap novel *Tombiruo* yang ditulis oleh novelis *thriller* Malaysia iaitu Ramlee Awang Murshid pada tahun 1998. Novel ini telah diterbitkan oleh Syarikat Alaf 21 yang mengandungi 533 halaman bercetak. Melalui kajian ini, pengkaji melakukan pembacaan secara keseluruhan novel bagi mencapai objektif kajian. Novel *Tombiruo:Penunggu Rimba* dipilih sebagai bahan kajian kerana novel ini telah diadaptasikan kepada filem sesuai dengan tema kajian yang dipilih oleh pengkaji. Novel ini telah diadaptasi kepada filem dengan berjudul *Penunggu Rimba* pada tahun 2017 yang diterbitkan oleh Seth Larney. Justeru itu, terdapat unsur-unsur naratif yang terkandung dalam novel *Tombiruo* yang dapat dilihat perubahan setelah diadaptasi kepada filem, serta pengkaji dapat melihat proses adaptasi sama ada proses yang dilakukan adalah tepat atau tidak. Secara ringkasnya, pemilihan novel ini adalah berdasarkan keperluan untuk menjawab objektif kajian pengkaji.



Rajah 1: Teknik Analisis Teks Berdasarkan Kajian Kualitatif Filem adaptasi Novel *Tombiruo:Penunggu Rimba*

Sumber: Internet

3.3.3 Sumber Internet

Pengkaji juga telah menggunakan sumber Internet bagi mencari bahan rujukan dengan lebih sahih, luas dan terperinci. Sumber Internet digunakan sebagai kaedah kajian kerana sumber ini dapat membantu pengkaji untuk menganalisis dan mengakses pelbagai laman sesawang bagi mendapatkan rujukan seperti artikel, kajian-kajian lepas, tesis, jurnal dan sebagainya. Selain itu, laman sesawang seperti *Google Scholar*, laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, *Scribd* dan *Academia* juga dirujuk untuk mendapatkan rujukan lain. Justeru itu, penggunaan sumber Internet dapat membantu pengkaji untuk mempercepatkan proses pencarian rujukan dan maklumat bagi menjalankan kajian ini.

3.4 TEORI INTERTEKSTUALITI

Teori intertekstualiti, atau teori dialogisme, diasaskan oleh Mikhail Bakhtin pada tahun 1926. Teori ini mengkaji hipoteks (aspek teks maya) dan hiperteks yang berkaitan dengan teks dan hubungan antara teks. Beliau percaya setiap karya mempunyai dialog antara teks dalam dan teks luar. Unsur dalaman merujuk kepada perkara yang berkaitan dengan pelbagai aspek sesebuah karya seperti tema, watak, watak, plot, latar dan sebagainya. Faktor luaran pula merujuk kepada perkara yang berkaitan dengan kehidupan pengarang. Oleh itu, teori ini mencadangkan bahawa terdapat hubungan antara teks dan teks lain. Teks sastera tidak boleh wujud secara berasingan atau berfungsi sebagai sistem tertutup (Michael Worton dan Judith Still, 1990).

Teori intertekstualiti mempunyai prinsip dan kaedah tersendiri ketika meneliti karya, iaitu:

- 3.3.1. Teori Intertekstualiti berpendapat bahawa terdapat satu atau lebih teks dalam sesebuah teks.
- 3.3.2. Teori Intertekstualiti mengkaji keseimbangan antara aspek dalaman dan luaran dengan meneliti fungsi dan tujuan kewujudan sesebuah teks.
- 3.3.3. Teori Intertekstualiti menganalisis karya dari semua aspek komposisinya iaitu unsur struktur seperti tema, plot, watak, dan bahasa serta unsur bukan struktur seperti sejarah, budaya, dan agama.
- 3.3.4. Teori Intertekstualiti memfokuskan kepada hubungan, kesinambungan, urutan, persamaan, perbezaan, penambahan, pengurangan, keselarian dan sebagainya antara teks yang dikaji.

3.4.5. Teori Intertekstualiti merujuk kepada penciptaan teks berdasarkan karya lain.

Roland Barthes juga percaya bahawa intertekstualiti adalah gabungan pelbagai teks dalam teks pada tahun 1982. Gabungan ini melahirkan teks baharu kerana kreativiti pengarang. Namun, dalam usaha penulis mencipta teks baharu, maklumat, bahan atau tema masih berkaitan dengan perkara yang sama. Ini bermakna teks yang terhasil tidak dapat lari daripada pengaruh teks lain. Intertekstualiti wujud dalam penulisan karya sekiranya terdapat manipulasi bahasa, perubahan adat budaya, dan kecenderungan pengarang membandingkan karya. Bahasa yang mempunyai pelbagai makna dan amalan budaya yang bercampur merupakan faktor yang mendorong lahirnya karya dan makna baharu.

Sepuluh prinsip Intertekstualiti yang berlaku dalam karya sastera ialah:

3.4.5.1 Transformasi

Prinsip transformasi merujuk kepada perubahan bentuk melalui proses memindahkan, mengubah, atau mengubah satu teks kepada yang lain.

3.4.5.2 Pengubahsuaian

Prinsip pengubahsuaian ialah pengubahsuaian. Semakan merujuk kepada proses menyesuaikan, mengubah, memadam, membaiki atau mengubah suai teks dalam mana-mana teks.

3.4.3 Demistifikasi

Prinsip demistifikasi melibatkan usaha untuk mempersoalkan pemahaman pengarang terhadap teks asal, dan mempersoalkan teks sebelum membantahnya.

3.4.4 Haploid

Prinsip haploid merujuk kepada proses di mana teks muncul dalam teks. Di samping itu, terdapat pepadaman, peninggalan atau pepadaman bahagian tertentu teks.

3.4.1 Ekserp

Prinsip ekserp merujuk kepada sesuatu yang mempunyai kesamaan dengan intisari suatu unsur atau episod dari hipogram. Ekserp juga boleh dijelaskan bahawa teks yang digunakan itu adalah sama atau mungkin sama dengan intisari sebahagian, suatu petikan, episod atau aspek dari hipogram.

3.4.2 Ekspansi

Prinsip ekspansi berlaku apabila wujudnya perluasan atau pengembangan terhadap sesebuah teks. Prinsip ini digunakan oleh Kristeva dan diterapkan oleh Riffterre.

3.4.3 Konvensi

Prinsip konvensi merupakan pemutarbalikan hipogram atau penentangan terhadap teks yang diambingkan. Namun, penentangan yang dimaksudkan adalah berbeza dengan penentangan daripada prinsip demitefikasi kerana penentangannya tidak radikal serta tidak mengalami perubahan yang agresif.

3.4.4 Eksistensi

Prinsip eksistensi merujuk kepada unsur yang diwujudkan dalam karya sastera atau teks baru.

3.4.5 Parallel


Prinsip parallel bermaksud berlaku proses persamaan atau kesejajaran antara teks dengan teks yang lain. Aspek ini dapat dilihat dalam aspek cerita, petikan, tema dan sebagainya.

3.4.6 Defamiliarisasi

Prinsip defamiliarisasi merujuk kepada unsur teks asal yang digubah menjadi luar biasa untuk diberikan pengertian baru dan pengertian itu mungkin jauh berbeza atau dilebih-lebihkan.

3.5 KERANGKA TEORITIKAL

Kerangka teoritikal digunakan untuk memberikan gambaran keseluruhan kajian dan kaedah yang digunakan untuk mencapai objektif kajian yang telah dipilih.



Rajah 2: Kerangka teoritikal yang digunakan bagi proses penyelidikan berkaitan unsur naratif berdasarkan filem adaptasi novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Murshid

KESIMPULAN


Secara rumusannya, penyelidik menggunakan empat kaedah dalam menjalankan kajian penyelidikan ini. Kaedah yang digunakan mengambil kira persoalan kajian yang perlu dipertimbangkan. Pemilihan kaedah adalah penting untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih sahih dan tepat. Oleh itu, sumber yang dipilih untuk kajian telah ditapis dan disaring berdasarkan metodologi kajian. Metodologi kajian adalah satu kaedah untuk menerangkan kaedah dan fungsi menggunakan beberapa kaedah tertentu dan mengaplikasikan teori Intertekstualiti untuk menganalisis filem adaptasi Tombiruo: Penunggu Rimba. Selepas analisis menyeluruh terhadap maklumat tentang fungsi teori dalam penyelidikan, proses analisis data boleh dipermudahkan dan dimulakan terus untuk mendapatkan hasil kajian yang sesuai. Oleh itu metodologi kajian merupakan langkah asas yang perlu ada dalam sesuatu kajian sebelum seseorang penyelidik menerima hasil kajian yang dikemukakan dalam persoalan kajian.

BAB 4


ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Kajian ini memfokuskan kepada filem adaptasi daripada novel ke filem. Kajian ini membincangkan perbandingan proses transformasi elemen naratif berdasarkan aspek plot, watak dan perwatakan, serta latar dari novel ke filem. Selain itu, kajian ini juga akan menganalisis ketepatan penciptaan adaptasi novel ke filem dengan menggunakan teori Intertekstualiti yang dipelopori oleh Bahktin Mikhail pada tahun 1962. Fokus teks untuk mendapatkan dapatan kajian adalah melalui novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Murshid.



Rajah 3: Infografik 1 menunjukkan 10 prinsip teori Intertekstualiti



Rajah 2: Infografik 2 menunjukkan pecahan yang terdapat dalam prinsip transformasi

Infografik pertama menunjukkan 10 prinsip yang terdapat dalam teori Intertekstualiti dan pecahan dalam prinsip transformasi. Dalam penyelidikan ini, penulis telah menggunakan prinsip transformasi sebagai panduan menyiapkan kajian ini. Manakala infografik kedua menunjukkan pecahan yang terdapat dalam prinsip transformasi. Prinsip transformasi terbahagi kepada tiga pecahan iaitu transformasi penjelamaan, pemindahan dan penukaran suatu teks ke bentuk teks lain secara keseluruhan. Prinsip ini dipilih kerana bersesuaian dengan proses adaptasi yang berlaku dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*.

Jaringan antara novel dan filem banyak dibincangkan melalui adaptasi. Menurut Casetti (2004), penghasilan adaptasi merupakan satu *reappareance* yang bukan hanya dilihat daripada persamaan dan perbezaan tetapi juga dilihat daripada bentuk baru yang terjadi iaitu filem. Selain itu, bentuk baru itu memiliki tarikan yang lebih menarik kerana filem merupakan bentuk seni yang tersendiri.

Berdasarkan beberapa unsur yang membentuk sesuatu karya, seni sastra seperti novel adalah berbeza dengan seni filem. Seni sastra seperti novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* hanya menggunakan satu unsur sahaja iaitu teks yang bersifat denotatif dan konotatif. Makna daripada teks pula boleh bersifat literal atau figuratif. Manakala seni filem, terdapat lima unsur iaitu unsur muzik, kesan bunyi sama ada bersuara atau senyap, imej fotografi sama ada bergerak atau kaku, kata, dan lakonan animasi atau hidup. Namun, filem adaptasi novel memiliki persamaan dari segi unsur naratifnya. Pernyataan ini telah dijelaskan oleh Engelstad (2009) bahawa adaptasi merupakan karya yang kompleks yang dapat difahami melalui empat peringkat yang penting dan saling berkaitan. Empat peringkat itu ialah peringkat verbal ke visual, peringkat naratif, peringkat keseluruhan dan peringkat *enunciation*.

4.2 SINOPSIS NOVEL DAN FILEM *TOMBIRUO: PENUNGGU RIMBA*

Sinopsis merupakan versi pendek plot utama sesebuah karya cerita dan berfungsi untuk memberi khalayak akses kepada pemikiran umum tentang teks dan menjelaskan fokus isi cerita tersebut. Terdapat pelbagai elemen yang dipaparkan dalam gambaran keseluruhan bersama-sama dengan ringkasan plot. Selain itu, bahagian ini juga digunakan untuk menunjukkan beberapa ciri watak yang terlibat dalam cerita dan menerangkan alasan penciptaan karya tersebut. Selain itu, sinopsis juga merupakan elemen yang sentiasa menjadi panduan penting kepada pembaca sebelum membaca sesuatu buku atau menonton karya multimedia seperti filem. Oleh itu, kita dapat melihat bahawa sinopsis bertujuan untuk memaparkan ciri-ciri utamam persoalan dengan mudah supaya pembaca dapat memahami dan mentafsir pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengarang. Berdasarkan sinopsis untuk filem, kita dapat mengamati bahawa kebanyakan penonton akan melakukan pembacaan terhadap sinopsis sesebuah karya filem sebelum menontonnya. Penciptaan sinopsis yang tidak menarik boleh menjadi faktor yang menyebabkan penonton tidak menonton filem tersebut.

Filem *Tombiruo:Penunggu Rimba* merupakan sebuah karya filem aksi pengembaraan yang diarahkan oleh Seth Larney pada tahun 2017. Filem ini telah diadaptasi daripada novel yang diterbitkan pada tahun 1998 iaitu novel *Tombiruo:Penunggu Rimba* yang ditulis oleh Ramlee Awang Murshid. Sinopsis berfungsi untuk menceritakan jalan cerita dalam sesebuah karya sastera atau filem. Sinopsis adaptasi filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* adalah jadual yang berikut:

TAJUK	SINOPSIS
<p>Novel <i>Tombiruo; Penunggu Rimba</i></p>	<p>Dalam novel <i>Tombiruo</i>, terdapat beberapa watak utama yang berperanan untuk menghidupkan dan mengembangkan cerita iaitu Ejim atau <i>Tombiruo</i>, Amiruddin, Wan Suraya, Pondolou, Monsiroi dan Tan Sri Berham. Isi novel ini mengisahkan seorang lelaki gagah iaitu Ejim yang bertopeng bagi menutup wajahnya yang hodoh. Ejim telah diajar ilmu persilatan oleh bapanya, Pondolou bagi menjaga hutan Keningau. Setelah kematian bapanya, Ejim bertekad untuk menunaikan amanat yang diberikan oleh bapanya sebagai penjaga Hutan Keningau. Dalam menjalankan misinya, Ejim telah bertemu Amiruddin yang sedang memburunya kerana Amiruddin berfikiran Ejimlah yang menyebabkan kematian isterinya, Salina. Konflik antara Ejim dan Amiruddin terus berlaku sehingga hadirnya seorang wartawan wanita yang bernama Wan Suraya. Konflik tersebut telah berjaya diselesaikan oleh Wan Suraya. Perjalanan yang telah dilalui oleh Ejim telah mengajarnya mengenali kehidupan luar, erti kekeluargaan, keagamaan dan cinta. Tragedi ini telah membuka hati Ejim untuk meneruskan wasiat bapanya sebagai Penunggu Rimba di hutan Keningau.</p>
<p>Filem adaptasi <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i></p>	<p>Filem <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> merupakan karya adaptasi daripada novel yang ditulis oleh novelis Ramlee Awang Murshid. Filem berlatarkan negeri Di Bawah Bayu ini telah diterbitkan dibawah arahan Seth Larney dan Nasir Jani pada tahun 2017.</p> <p>Filem adaptasi novel ke filem ini mengisahkan sebuah dendam seorang pahlawan yang dikenali sebagai <i>Tombiruo</i> atau nama sebenarnya, Ejim. Ejim digambarkan seorang lelaki yang tidak berwajah manusia. Dia bertarung untuk membalas dendam ke atas kematian ayahnya iaitu, Pondolou. Misinya untuk membalas dendam terganggu dengan kehadiran Amiruddin yang memburunya dan menganggap dia penyebab kematian isterinya, Salina. Amiruddin menganggap <i>Tombiruo</i> sebagai punca keperitan yang dialami oleh keluarganya. Konflik yang wujud itu berlaku demi menegakkan kebenaran masing-masing. Pada masa yang sama, kehadiran seorang wartawan wanita yang bernama Wan Suraya dalam menyelidik isu Syarikat Tan Sri Berham turut mengikuti jejak <i>Tombiruo</i> dan bertekad untuk mencari kebenaran tentang <i>Tombiruo</i>. Firasat Wan Suraya yang mengatakan Amiruddin dan Ejim sebagai mangsa keadaan adalah benar setelah dia mendengar cerita daripada nenek Monsiroi.</p>


Jadual 1 merupakan sinopsis novel dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* bagi membuat perbandingan dalam analisis bab 4

Jadual 1 menerangkan sinopsis berkaitan bahan kajian iaitu sinopsis novel dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Nik Hassan Basri Nik Abd. Kadir (2007) menerangkan bahawa sinopsis merupakan huraian pendek atau ringkasan yang menggambarkan perkara penting keseluruhan karya novel atau filem. Berdasarkan analisis yang dibuat antara kedua-dua medium, terdapat perbezaan plot yang berlaku, iaitu berkenaan dengan punca kematian Pondolou. Dalam novel, Pondolou telah meninggal disebabkan oleh sakit tua. Manakala dalam filem, kematian Pondolou disebabkan oleh pembunuhan yang


dilakukan oleh Wong. Perbezaan plot menunjukkan perbezaan misi Ejim di dalam novel dan di filem.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

4.3 Perbandingan Unsur Naratif

Unsur naratif merupakan unsur utama yang boleh dipindahkan dari novel ke filem. McFarlen (1992) berpendapat bahawa proses adaptasi filem dari novel lebih banyak membincangkan tentang kritikan kesetiaan (*fidelity criticism*). Elemen latar adalah bersifat sub elemen kepada konteks. Desmond & Hawkes (2006) pula berpendapat bahawa perbandingan unsur naratif seperti latar, watak, plot dan gaya penulisan perlu dilakukan antara teks novel dan filem adaptasi. Naratif juga merupakan satu genre sastera yang menjelaskan urutan peristiwa dalam sesebuah karya cerita sama ada dalam sastera bertulis atau multimedia.

Menurut Pratista (2008), unsur naratif dalam sesebuah filem merupakan unsur yang berkaitan dengan aspek cerita atau tema filem. Setiap cerita memiliki elemen seperti konflik, latar, watak dan masa, dan setiap elemen ini membentuk unsur naratif. Elemen-elemen ini saling berkaitan dan bersinambung secara berterusan bagi mencipta urutan peristiwa dengan matlamat dan objektif.

Proses transformasi sangat berperanan dalam mengembangkan watak, tema, plot dan persoalan Hasil dapatan kajian terhadap filem adaptasi novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* mendapati adanya perbandingan peristiwa elemen naratif antara dua medium ini. Proses transformasi ini dilihat menerusi dua elemen latar yang dikaji iaitu elemen latar dan elemen watak dan perwatakan.

4.3.1 Transformasi elemen latar

Normaliza Abd Rahim (2019) berpendapat bahawa elemen latar dapat dianalisis melalui keterangan yang terdapat dalam teks. Elemen ini dapat dibahagikan kepada tiga iaitu latar tempat, latar masa dan latar Masyarakat. Latar tempat merujuk kepada tempat atau lokasi berlakunya sesuatu peristiwa. Manakala latar masa dianalisis dengan menerangkan tentang waktu peristiwa tersebut berlaku. Latar Masyarakat pula menerangkan berkaitan individu atau kumpulan yang terlibat. Menurut Pratista (2008), latar merupakan tetapan keseluruhan latar belakang dan semua harta benda. Harta benda merujuk kepada segala benda yang tidak hidup.

Selain berperanan sebagai latar belakang sesebuah cerita, latar juga mempunyai beberapa fungsi lain. Satu tindakan penting yang dilakukan oleh pengarah dan reka bentuk pengeluaran adalah menentukan sama ada untuk mengambil adegan yang dipilih berada di studio luaran atau dalaman, lokasi sebenar atau menggunakan teknologi digital seperti yang biasa digunakan dalam filem animasi. Jenis latar terbahagi kepada tiga iaitu, penggambaran di studio iaitu lokasi pembuatan file di dalam atau luar, penggambaran di lokasi sebenar dan penggambaran menggunakan teknologi *Computer-Generated Imagery* (CGI) (Pratista, 2008).

Berikut merupakan unsur naratif yang dipilih iaitu latar tempat, latar masa dan masyarakat yang dibandingkan dalam filem adaptasi *Tombiruo: Penunggu Rimba*.

4.3.1.1 Latar tempat

Latar tempat merupakan keterangan tentang tempat berlakunya sesuatu peristiwa, keadaan atau suasana. Berdasarkan analisis, terdapat beberapa latar tempat yang dinyatakan di dalam novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*, antaranya di hutan Keningau, bangunan Syarikat Anak Bumi Sdn. Bhd, dan rumah kediaman Tan Sri Berham.

Latar Tempat	Novel <i>Tombiruo</i>	Filem <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i>	Tahap Transformasi yang berlaku
[O1] Hutan Keningau	Matahari semakin tenggelam di ufuk barat. Biasan Cahaya merah sudah melintasi Garisan Khatulistiwa di hutan Keningau. Seorang tua dan kanak-kanak berumur sepuluh tahun menghadap ke barat sambil menikmati suasana senja yang beranjak turun dari paksi melintang ufuk timur. (novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> , 2018:3)	Nenek Monsiroi bermimpi Tombiruo (Ejim) masih hidup dan telah dijaga oleh Pondolou (bapa angkat Ejim) di Hutan Keningau. Ejim telah diajar ilmu kepahlawanan oleh Pondolou bagi menjaga dan melindungi hutan tersebut. (Filem <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> , minit 7.18 hingga minit ke 7.53)	Transformasi menunjukkan persamaan latar tempat iaitu Hutan Keningau. Penulis mengambil peristiwa ini kerana kedua-dua peristiwa yang dipaparkan untuk menerangkan tentang asal-usul watak utama iaitu Tombiruo.
Syarikat Anak Bumi Sdn. Bhd	Tepat jam 10.00 pagi, sebuah Land Rover Jabatan Perhutanan Daerah bergerak perlahan memasuki kawasan tempat letak kereta Syarikat Anak Bumi Sdn. Bhd. Land Rover itu berhenti betul-betul di hadapan pejabat Syarikat.	Tombiruo telah melakukan serangan terhadap kilang dan pekerja Syarikat Anak Bumi. Adegan ini memaparkan bahawa Tombiruo telah menemukan orang yang telah membunuh bapanya iaitu, Wong yang juga merupakan ketua sekuriti bagi Syarikat tersebut. Oleh	Berdasarkan penelitian, penerbit masih mengekalkan latar tempat yang sama dari cerita novel namun berbeza peristiwa.

	(Novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> , 2018:216)	itu, serangan yang dilakukannya merupakan dendam ke atas kematian bapanya. (minit ke 39:37 sehingga minit ke 40.00)	
Rumah kediaman Tan Sri Berham	Bonda, Baizura, Amiruddin dan Omar duduk di ruang tamu menanti kedatangan peguam Rickey Leung. Malam ini wasiat daripada Allahyarham Tuan Berham akan dibacakan di hadapan keluarganya. Suasana ruang tamu itu dilanda kemuraman, masih diselubungi rasa kehilangan. (Novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> , 2018:140-141)	Latar tempat dalam filem ini memaparkan Baizura, Bonda dan Omar sedang berbincang mengenai ugutan yang dilakukan oleh Tombiruo terhadap Syarikat Anak Bumi di kediaman Tan Sri Berham. (minit ke 48:41)	Berdasarkan perbandingan tranformasi, penerbit telah mengambil latar tempat yang sama bagi menerangkan peristiwa yang sama dalam cerita novel. Oleh itu, jelas sekali bahawa berlakunya pemindahan latar ini dalam filem.

Jadual 2: Perbandingan elemen latar pada kedua-dua karya

Berdasarkan analisis, latar tempat ini sangat penting bagi mengukuhkan lagi konflik yang terdapat dalam filem. Selain itu, pemindahan ini juga menunjukkan bahawa prinsip transformasi dalam Intertekstualiti mempengaruhi latar tempat yang dipaparkan dalam hiperteks. Latar tempat telah dipindahkan berdasarkan ruang *external* dan *internal* yang bertujuan untuk mewujudkan kesan yang lebih realistik. Hasil analisis membuktikan perbandingan yang dibuat terhadap novel dan filem. Dapatan ini jelas menunjukkan terdapat beberapa persamaan tempat dalam novel yang telah dipindahkan oleh Seth Larney ke dalam filem. Pemindahan latar tempat ini telah mewujudkan keadaan yang sebenar seperti dalam novel.

4.3.1.2 Latar Masa

Berdasarkan novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*, latar masa juga diambil kira dalam melakukan proses transformasi. Penerbit telah memindahkan latar masa daripada novel ke dalam filem. Latar masa bagi filem ini melibatkan permulaan waktu siang dan berakhir pada waktu malam. Selain itu, file mini juga telah mencapai tahap kemodenan kerana adanya penggunaan kereta, kamera, telefon bimbit. Penggunaan latar masa dapat memudahkan pemahaman terhadap urusan seterusnya membantu memahami wacana yang ingin disampaikan. Penggunaan latar masa dapat dilihat menerusi filem adaptasi *Tombiruo: Penunggu Rimba*:

Latar Masa	Novel <i>Tombiruo</i>	Filem <i>Penunggu Rimba</i>	Tahap Transformasi yang berlaku
Waktu pagi	Dia menyeluk poket seluar lalu mengeluarkan sebungkus Haw Flakes, makanan ringan berwarna merah berbentuk kepingan syiling 20 sen. Wan Suraya mengunyah satu persatu Haw Flakes tanpa menghiraukan rakan-rakan lain. Dia melihat jam tangannya. Dah pukul 10.00 pagi. (novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> , 2018:13-14)	Selepas melakukan rondaan pada sebelah pagi di seluruh hutan milik kerajaan, Ondu memandu Land Rover untuk ke sesi sidang akhbar yang melibatkan Syarikat Anak Bumi. (minit ke 11.42 sehingga minit ke 12.18)	Analisis perbandingan menunjukkan penerbit telah mentransformasikan latar masa yang sama namun berbeza peristiwa dengan novel. Latar masa ini jelas dinyatakan melalui teks novel dan filem.
	Ejim sengaja menyembunyikan diri di atas sebatang pokok besar berdaun rimbun. Sejak tadi dia mengintai di balik daun-daun hihau, memerhatikan sekumpulan manusia yang sedang berkhemah	Adegan ini memaparkan Tarawid dan Gagai berkelahi di sungai pada waktu malam. Suasana adegan ini dalam suasana hujan.	Latar masa waktu malam jelas digambarkan dengan penggunaan perkataan 'cahaya bulan'. Hal ini membuktikan bahawa peristiwa yang berlaku dalam teks novel telah berlangsung pada waktu malam. Dalam filem pula,

Waktu malam	berhampiran sungai lembah di hutan itu. Seseekali Ejim mendongak ke angkasa menikmati kelembutan cahaya bulan. Suasana bening malam cukup menenteramkan jiwanya. (novel <i>Tombiruo: Penunggu Riimba</i> , 2018:5)	(minit ke 2.41 sehingga minit ke 3.12)	penerbit telah melangsungkan adegan pada waktu malam.
Waktu tengahari	Wan Suraya bergegas memasuki bilik mesyuarat. Wajahnya kelihatan merah sedikit akibat terik sinar matahari yang membahang panas. (novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> , 2018:22)	Adegan ini memaparkan Ejim menyerang kilang Syarikat Anak Bumi dan pekerja-pekerja kilang tersebut. Sinaran matahari menyebabkan pandangannya terganggu sehingga dia terkena tembakan daripada pihak musuhnya. (minit ke 52.30 sehingga minit ke 53.4)	Walaupun teks novel tidak menyebut latar masa secara spesifik, namun perkataan ‘sinar matahari’ memberi gambaran bahawa peristiwa yang berlaku berlangsung pada waktu tengahari.

Jadual 3 menunjukkan perbandingan latar masa pada kedua-dua karya

Jadual di atas membuktikan bahawa pengarang telah melakukan transformasi latar masa yang sama dalam novel. Transformasi yang berlaku telah berperanan untuk mewujudkan suasana yang sebenar seperti dalam novel. Selain itu, penerbit juga telah mengekalkan latar masa yang berlatarkan zaman moden. Penerbit telah memindahkan keseluruhan latar masa yang terkandung di dalam novel ke filem. Pemindahan latar masa berperanan untuk mewujudkan perasaan yakin kepada penonton mengenai perkembangan sesebuah watak dan peristiwa dalam filem. Selain itu, penggunaan simbol kosa kata juga dapat menggambarkan latar masa contohnya kosa kata ‘sarapan’, ‘cahaya bulan’ dan ‘matahari’.

4.3.1.3 Latar Masyarakat

Analisis sterusnya dibuat adalah perbandingan latar masyarakat. Berdasarkan penelitian, latar masyarakat dalam novel telah dipindahkan ke dalam filem untuk mengekalkan keaslian cerita. Penerbit telah memasukkan beberapa latar masyarakat dari novel ke filem antaranya masyarakat yang masih mempercayai unsur mistik, masyarakat yang masih bergantung kepada hutan dan masyarakat yang bersikap kejam dan zalim. Hal ini dapat dibuktikan dalam jadual berikut:

Latar Masyarakat	Novel <i>Tombiruo</i>	Filem <i>Penunggu Rimba</i>	Tahap Transformasi yang berlaku
Masyarakat yang masih mempercayai unsur mistik. Misalnya, wujudnya hantu yang dikenali Tombiruo	“Tombiruo tu bermaksud hantu, semangat hutan yang wujud daripada roh-roh halus. Roh-roh tu pulak ada yang jahat dan ada yang baik”, kata Ondu. (novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> , 2018:211-212)	Latar masyarakat yang masih mempercayai unsur mistik dalam filem dapat dilihat melalui adegan Ejim mengimbas kembali peristiwa penduduk kampung menggelar dia sebagai hantu hutan. Hal ini kerana ejim memiliki wajah yang seakan-akan bukan manusia. (minit ke 32.40 hingga minit ke 32.45)	Analisis ini menjelaskan bahawa berlaku proses transformasi yang dilakukan oleh penerbit dengan memaparkan masyarakat yang masih mempercayai unsur mistik. Kepercayaan ini dapat mengekalkan cerita asal dari novel.
Masyarakat yang bergantung kepada sumber alam semula jadi (hutan).	Ejim merebus akar-akar kayu yang dikutipnya di hutan itu siang tadi. Akar-akar kayu itu akan dibuat ubat untuk mengurangkan kepedihan dan kesakitan luka di pahanya. Air ubat itu akan diminum dan akarnya pula akan ditampal	Adegan yang menunjukkan masyarakat yang masih bergantung kepada alam semula jadi dapat dilihat melalui adegan Amiruddin mengajak Ejim yang terluka akibat serangan daripada Wong untuk ke rumahnya untuk merawat luka tersebut. Walau bagaimanapun, Ejim telah menolak	Latar masyarakat yang ditransformasikan dalam hiperteks menunjukkan berlaku pemindahan watak masyarakat yang masih bergantung kepada alam semula jadi.

	pada luka supaya cepat sembuh. (novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> , 2018:248-249)	tawaran tersebut dan memberitahu Amiruddin bahawa hutan boleh menyembuhkannya. (minit ke 1:39:07 hingga minit ke 1:39:42)	
Masyarakat yang bersifat kejam dan zalim.	<p>“mungkin kerana itulah Omar sakit hati dan merancang untuk menganiayai arwah Tuan Berham. Dia telah merancang supaya Tuan Berham ditimpa kemalangan. Arwah Salina yang turut serta waktu itu turut sama menjadi mangsa!” beritahu Wan Suraya.</p> <p>“Omar juga membunuh Rickey kerana sakit hati. Sekali gus membunuh dan merogol Nancy! Dia sadis!!” jelas Wan Suraya. (novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i>, 2018:474)</p>	Masyarakat yang bersifat kejam dapat dilihat menerusi watak Juslan yang telah membunuh saudaranya dan anak saudaranya, Tuan Berham dan Salina. Pembunuhan ini berlaku kerana Juslan tidak berpuas hati dengan keputusan Tan Berham terhadap projek Empangan. (minit ke 1:27:46)	Analisis membuktikan bahawa berlaku transformasi latar masyarakat ke dalam filem. Watak Juslan membuktikan bahawa terdapat masyarakat yang kejam kerana telah membunuh orang demi kepentingan orang lain.

Jadual 4 menunjukkan perbandingan latar masyarakat pada kedua-dua karya

Jadual di atas jelas menunjukkan terdapat unsur latar masyarakat yang telah dipindahkan ke dalam filem. Pemindahan latar ini sangat penting dilakukan untuk menceritakan dan mencetuskan konflik sama ada secara fizikal atau melalui pemikiran dengan watak-watak yang lain. Penelitian ini membuktikan bahawa pengarah telah memindahkan latar masyarakat dari novel ke dalam filem.

Ringkasnya, terdapat tiga jenis latar yang telah ditransformasikan oleh penerbit filem adaptasi ini. Menurut Fatimah Muhd Shukri dan Nur Afifah Vanitha pada tahun 2016, transformasi terhadap latar tempat, latar masa dan latar masyarakat adalah penting untuk menyampaikan naratif kepada penonton.



4.3.2 Perbandingan elemen watak dan perwatakan

Menurut Pratista (2008) pelakon atau watak dalam setiap cerita atau filem umumnya mempunyai watak utama dan penyokong. Watak utama merupakan faktor utama yang menjalankan aliran naratif awal sehingga akhir cerita. Watak cerita biasanya mempunyai bentuk sebenar. Watak utama pula digelar protagonis manakala watak sokongan boleh berada di pihak protagonis atau antagonis (musuh atau saingan). Watak sokongan kadangkala membantu watak utama dalam menyelesaikan masalah atau sering bertindak sebagai pencetus konflik.

Pemindahan watak dalam filem adaptasi Tombiruo:Penunggu Rimba memperlihatkan prinsip transformasi. Filem adaptasi ini telah menampilkan watak protagonis, antagonis serta watak sampingan dalam filem. Antara watak yang terlibat adalah Ejim (Tombiruo), Amirrudin, Pondolou, Tan Sri Berham, Wan Suraya, Omar Ondu, Salina dan Baizura.

Watak utama yang ditampilkan dalam karya ini adalah Tombiruo. Maksud Tombiruo menurut pandangan masyarakat Kadazandusun adalah roh atau hantu yang dipercayai wujud secara halus dan nyata. (Ramlee Awang Murshid,2018).

Watak dan perwatakan	Perwatakan	Perwatakan	Tahap
	dalam novel	dalam filem	transformasi yang
	<i>Tombiruo</i>	<i>Penunggu</i>	berlaku
		<i>Rimba</i>	
Watak Tombiruo atau Ejim	Sekali gus dia mengimbas kembali ketika bertemu dengan seorang lelaki berbadan tegap, berselubung	Watak Tombiruo dalam filem ditunjukkan melalui adegan seorang lelaki yang bertubuh	Berdasarkan analisis watak Tombiruo, jelaslah bahawa penerbit telah mentransformasikan perwatakan
1. Watak ini merupakan watak utama dalam cerita novel dan filem.			

<p>2. Seorang yang bertubuh sasa dan bertopeng</p> <p>3. Seorang yang berani, baik hati dan kuat.</p>	<p>hitam lusuh dan bertopeng di dalam hutan sehari sebelum kematian isteri dan bapa mentuanya. Lelaki misteri itu menyandang sebilah pedang di belakang. Dia seperti pahlawan zaman dahulu kala. Amiruddin mengelamun jauh seolah-olah membatasi ruang waktu dan malam. (novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i>, 2018: 111)</p>	<p>sasa dipaparkan dan wajahnya ditutupi topeng kayu. Lelaki ini digelar Tombiruo yang tinggal di dalam Hutan Keningau. (minit ke 8.00 hingga minit ke 8.11)</p>	<p>Tombiruo ke dalam hiperteks secara sepenuhnya. Dalam novel, lelaki yang berbadan tegap, berselubung hitam lush dan bertopeng adalah merujuk kepada Tombiruo.</p>
<p>Watak Amiruddin</p> <p>1. Watak ini merupakan watak protagonis.</p> <p>2. Seorang yang taat pada ajaran agama</p> <p>4. Seorang yang rajin dan bertanggungjawab</p>	<p>Amiruddin mengucapkan salam pada akhir sembahyang. Dia beristighfar berulang kali memohon keampunan daripada maha pencipta. Berdoa. Selepas menunaikan kewajipan itu, Amiruddin dan kawan-kawannya yang bertugas sebagai renjer di Jabatan Perhutanan Daerah Keningau telah</p>	<p>Filem ini memaparkan watak Amiruddin seorang yang taat pada ajaran agama telah dipaparkan ketika Amiruddin sedang menunaikan solat di dalam biliknya selepas menyelesaikan tugasnya sebagai renjer hutan. (minit ke 52:36)</p>	<p>Analisis membuktikan bahawa penerbit telah mentransformasikan watak asal Amiruddin dari novel ke dalam filem. Penerbit juga mengekalkan watak ini sebagai renjer hutan.</p>

	meronda hampir seluruh hutan milik kerajaan untuk memastikan tidak ada pembalakan haram dilakukan di situ. (novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> , 2018:6)		
Omar 1. Watak ini membawa watak yang antagonis 2. Seorang yang kejam dan tamak 3. Mempunyai jawatan dalam syarikat milik Tuan Berham	“hmm.. Omar menggunakan syarikat arwah Tuan Berham untuk menyeludup dadah. Menurut ASP Johari, sernuan Apin-Apin tempoh hari mendapati, dadah-dadah tu disembunyikan dalam pokok-pokok balak,” jelas Wan Suraya cuba menghuraikan persoalan itu. (novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> , 2018:479)	Dalam filem memaparkan adegan watak Juslan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Tuan Berham mengenai Projek Empangan sehingga dia membunuh saudaranya dan anaknya, Salina. (minit ke 1:27:46)	Analisis mendapati bahawa terdapat perubahan transformasi nama watak dari novel ke filem. Nama Omar dalam novel telah ditukar kepada Juslan Ajus ke dalam filem.

Jadual 5 menunjukkan perbandingan elemen watak dan perwatakan pada kedua-dua karya

Jadual di atas membuktikan bahawa berlakunya transformasi watak dan perwatakan yang dilakukan oleh penerbit menerusi peristiwa dalam filem. Watak Juslan dalam filem adalah penting dipindahkan kerana watak ini membawa sifat antagonis yang menentang Tombiruo dan Amiruddin di dalam cerita. Walau bagaimanapun, penerbit juga

telah memasukkan watak-watak sampingan seperti watak Ondu, Salina, Tuan Berham, Bonda, Wan Suraya, Pondolou, tauke Wong dan Baizura bagi menggerakkan filem ini.

Kesimpulannya, dalam proses mengadaptasi novel ke filem, sesetengah pengarah yang setia dan sesetengahnya tidak setia dengan karya yang asal. Pengarah yang tidak setia akan melakukan tiga perkara iaitu mengubah, membuang dan mengekal sebahagian karya asal (McFarlen, 1996). Oleh itu, berdasarkan perbandingan unsur naratif ke atas filem adaptasi ini, dapat dilihat bahawa pengarah memiliki sifat yang tidak setia dengan karya asal. Hal ini kerana, terdapat beberapa adegan atau cerita yang terkandung dalam novel asal yang telah diubah, dibuang dan dikekalkan ke dalam filem.

4.4 Menganalisis ketepatan penciptaan adaptasi novel ke filem berdasarkan novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*

Kesusasteraan merujuk kepada bidang ilmu yang digunakan dalam penghasilan karya kreatif berbentuk tulisan dan lisan dalam pelbagai genre. Hal ini ditegaskan oleh Md Salleh Yaapar et. al (2015) bahawa kesusasteraan bersifat imaginatif yang terhasil dalam bentuk puisi, drama atau prosa secara bertulis atau lisan. Selain itu, istilah filem juga perlu difahami. Menurut Totawad Nagnath Ramrao (2016), filem merupakan sebuah medium penghasilan karya yang berbentuk fotografi dan lukisan diikuti dengan kesan bunyi yang berperanan untuk memberikan kesan visual dan audio kepada penonton. Berdasarkan konsep kesusasteraan dan filem yang telah dinyatakan, dapat disimpulkan bahawa adanya hubungan yang berlaku antara kedua-dua medium tersebut yang dikenali sebagai adaptasi. Adaptasi merupakan proses pemindahan karya sastera bertulis ke dalam medium yang baharu iaitu filem. Gordon E-Slethoug (2014) berpendapat bahawa adaptasi merupakan hubungan antara dua medium iaitu teks dan filem atau dikenali intertekstualiti.

Dalam menghasilkan karya filem adaptasi novel perlulah menepati konteks elemen adaptasi bagi menghasilkan karya yang unggul. Antara elemen adaptasi yang akan dibincangkan adalah sumber dan cara adaptasi dan konteks.

4.4.1 Sumber dan Cara Adaptasi

Novel merupakan karya asli yang dijadikan panduan dalam menghasilkan karya yang baru. Oleh itu, pelaksanaan karya filem adaptasi akan mengalami proses asas elemen adaptasi seperti tema, watak, latar dan persoalan. Pernyataan ini telah ditegaskan oleh Hutcheon (2006) bahawa perubahan terhadap watak yang berlaku akibat proses adaptasi dapat mempengaruhi pembentukan retorik dan memberi kesan estetika persembahan atau penceritaan yang baharu.

Dalam hal ini, proses asas elemen adaptasi yang dihuraikan adalah dari segi pemilihan tema. Tema yang jelas dilihat dari kedua-dua karya ini adalah tema kekeluargaan dan kasih sayang.

4.4.1.1 Kekeluargaan

Keluarga merupakan satu bentuk institusi yang dimiliki oleh semua lapisan masyarakat. Keluarga ini juga dapat diklasifikasikan sebagai institusi sosial yang pertama dan akan dilalui oleh setiap individu dalam membentuk pengalaman kehidupan. Menurut pandangan Kurt Kreppner (1992) sistem kekeluargaan ini menjadi elemen yang sangat penting kerana ia berperanan dalam pembentukan peribadi.

Terdapat pelbagai konsep keluarga yang diterangkan oleh tokoh-tokoh dan penulis-penulis ilmu untuk menggambarkan ciri kekeluargaan tersebut. Antaranya adalah Ernest W. Burgess & Harvey J. Locke (1971) dan Scott Coltrane (1998). Tokoh-tokoh barat ini menggambarkan bahawa keluarga merupakan kehidupan bersama antara dua pihak atau lebih yang memiliki pertalian sama ada darah atau perkahwinan. Dalam institusi kekeluargaan, unsur-unsur seperti interaksi, komunikasi dan perhubungan antara anggotanya harus dilakukan berdasarkan peranan masing-masing bagi melancarkan hubungan tersebut. George Murdock (1949) pula mengklasifikasikan keluarga kepada dua bentuk iaitu keluarga asas dan keluarga luas. Keluarga asas hanya terdiri oleh bapa, ibu dan anak-anak. Manakala keluarga luas terdiri daripada selain keluarga asas iaitu anggota lain tetapi masih memiliki pertalian darah seperti datuk, nenek, dan sepupu.

Walau bagaimanapun, tidak semua anggota keluarga yang tinggal di tempat kediaman yang sama. Terdapat juga anggota yang memiliki pertalian yang tinggal di tempat yang berbeza. Hal ini disebabkan oleh faktor pendidikan atau pekerjaan yang menjadi tanggungjawab dalam kalangan anggota keluarga tersebut yang mendorong sesetengah anggota berpisah tempat kediaman dengan anggota yang lain. Menurut Wan Abdul Kadir Yusof (1993), walaupun tidak semua anggota keluarga itu tidak menetap di

tempat yang sama tetapi masih menjalinkan hubungan kasih sayang dan tolong menolong antara satu sama lain.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4.1.2 Kasih Sayang

Berdasarkan takrifan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (2013), kasih sayang merupakan satu perbuatan atau sifat yang menunjukkan cinta kasih atau belas kasihan. Perasaan ini wujud daripada hati yang tulus dalam memberikan kebahagiaan, mencintai, menyayangi orang lain sama ada kepada keluarga, sahabat, masyarakat atau semua makhluk di bumi ini. Ilfen (2012) pula menyatakan bahawa kasih sayang adalah penting kerana tanpanya manusia akan merasakan kehidupan yang tawar.

Dalam konteks individual, kasih sayang merupakan ciri yang memberi tanpa diminta dan tidak mengharapkan perkara tersebut dibalas oleh orang lain. Selain itu, kasih sayang juga boleh didefinisikan sebagai sifat peribadi yang murah hati, sabar, tidak sombong dan sebagainya serta mempunyai perasaan yang mengutamakan orang lain sebelum diri sendiri.

Berdasarkan filem adaptasi yang dikaji, pengkaji dapat melihat bahawa pemindahan teks ke dalam filem telah dilakukan dengan tepat berdasarkan tema yang dimasukkan ke dalam filem. Tema daripada karya asal telah dimasukkan ke dalam filem tanpa diubah. Oleh itu, berdasarkan filem adaptasi *Tombiruo: Penunggu Rimba*, tema kekeluargaan dan kasih sayang adalah seperti yang berikut:

Tema	Huraian	Novel	Filem
[O2] Kekeluargaan	Tema kekeluargaan dapat dilihat dalam keluarga Tuan Berham. Tuan Berham sangat mengutamakan keluarganya dan memastikan keluarganya sentiasa aman dan bahagia. Tuan Berham juga	Di ruang dalam, Tuan Berham dibuai rindu menatap gambar keluarga berukuran besar, yang digantungkan berhampiran almari perhiasan tembaga. Matanya merayap menikmati wajah-	Tema kekeluargaan dapat dilihat melalui adegan ketika Tuan Berham dalam perjalanan ke tapak Projek Empangan. Tuan Berham menyatakan kerinduannya terhadap anak pertamanya, Baizura untuk

	telah membuang egonya terhadap anak pertamanya, Baizura, yang pernah membuatnya marah suatu ketika dulu.	wajah kesayangan sambil mengutip secebis kenangan masa lalu.... “ Hari Raya nanti.. abang mahu kita berkumpul semula seperti dulu,” kata Tuan Berham tanpa menoleh. (novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> , 2018: 32)	berkumpul bersama semua ahli keluarganya seperti ketika dahulu kepada anaknya, Salina. (minit ke 9.34 hingga minit ke 9.51)
Kasih Sayang	Tema kasih sayang telah ditonjolkan melalui watak Amiruddin yang sangat menyayangi isterinya, Salina. Amiruddin sangat terkesan dengan kematian isterinya akibat daripada kemalangan yang menimpanya.	Jari-jemari Amiruddin membelai nisan kubur isterinya. Belaian mesra yang terakhir buat kekasih yang tertidur panjang untuk selamanya. Apabila mengenangkan kenyataan itu, hatinya terasa remuk dan perasaanya terasa luluh. Kalbunya tersentak duka dengan kehilangan itu. (novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> , 2018: 43)	Peristiwa yang sama dalam teks asal telah ditransformasikan dalam filem pada minit ke 29.17 hingga minit ke 30.34.

Jadual 6 menunjukkan persamaan tema daripada kedua-dua karya.


Berdasarkan analisis dalam jadual di atas, dapat disimpulkan bahawa cara adaptasi yang dilakukan oleh penerbit adalah sama dengan sumber iaitu novel. Penerbit telah menstranformasikan unsur tema yang sama dari dalam novel ke dalam filem. Hal ini membuktikan bahawa penerbit telah merujuk sumber dengan sepenuhnya untuk melakukan proses adaptasi dengan memasukkan elemen yang sama bagi mengekalkan keaslian cerita.

4.4.2 Konteks

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (2014), makna adaptasi boleh difahami sebagai satu proses penyesuaian dari satu bentuk ke bentuk yang baharu. Walaupun karya teks penulisan sastera dan seni visual merupakan dua karya yang berbeza, namun kedua-dua karya ini mempunyai sifat yang sama dalam teknik dan kaedah penyampaian idea. Oleh itu, dari segi konteks, novel dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* adalah saling berkaitan dalam konteks bahasa indeks dan ikon. Menurut Nur Yunanis Mohd Nasir et.al. pada tahun 2016, proses adaptasi akan mengalami batasan atau pendekatan yang mempengaruhi intipati bagi mencorakkan suatu persembahan iaitu mengenal pasti tema, konteks daripada sumber teks yang dipilih (novel) dan konsep. Pendekatan ini akan menjadi panduan dalam melakukan proses adaptasi supaya tidak mengubah keaslian cerita. Terdapat dua elemen konteks yang telah didapati dalam penyelidikan ini iaitu konteks sumber dan konteks bahasa.

4.3.2.1 Konteks Format

Konteks sumber dilihat berdasarkan format yang digunakan untuk menghasilkan filem adaptasi. Format merupakan satu pengumpulan atau penampilan gaya yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu karya. Format ini berfungsi sebagai panduan dalam melakukan penerbitan. Pengadaptasian filem memerlukan satu skrip untuk dipindahkan ke dalam filem.



Oleh itu, penerbit filem adaptasi ini telah menggunakan novel *Tombiruo:Penunggu Rimba* sebagai panduan penciptaan filem. Secara amnya, terdapat tiga format yang telah dilakukan dalam mengadaptasi filem daripada novel iaitu memindahkan keseluruhan teks tanpa mengubah atau membuang mana-mana plot, adegan dan watak, melakukan perubahan dan pengurangan pada adegan, plot atau watak yang tertentu sahaja bagi menyesuaikan keperluan lakon layar serta penulis teks bekerjasama dengan pengarah filem untuk menulis semula teks lakon layar.

Berdasarkan filem adaptasi novel *Tombiruo:Penunggu Rimba*, format yang digunakan sebagai panduan proses transformasi adalah format yang kedua iaitu penerbit melakukan perubahan atau membuang pada sesetengah adegan, plot dan watak dari teks asal. Dalam penciptaan filem adaptasi *Tombiruo:Penunggu Rimba*, terdapat adegan yang terdapat dalam novel tidak dimasukkan ke dalam filem. Misalnya dalam muka surat 65, terdapat peristiwa Pondolou menceritakan asal usul Ejim sebelum dia meninggal kerana sakit. Namun, adegan ini tidak dimasukkan ke dalam filem. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa terdapat adegan yang tidak dimasukkan oleh penerbit ke dalam filem.

Selain itu, terdapat juga perubahan dari segi nama watak dalam pengadaptasian filem ini. Penerbit telah menukarkan nama watak asal dari novel ke dalam filem. Buktinya, dalam novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* watak Omar yang juga merupakan sepupu kepada Tuan Berham telah ditukar nama kepada Juslan. Oleh itu, hal ini jelas membuktikan bahawa penerbit telah melakukan perubahan nama watak dari novel ke filem.


Akhir sekali, adaptasi ini berlaku perubahan plot. Penerbit telah mengubah adegan plot yang terdapat dalam teks asal ke dalam filem. Dalam novel jelas menyatakan bahawa Pondolou atau bapa angkat kepada Tombiruo telah meninggal dunia disebabkan sakit. Ini telah dibuktikan dalam novel muka surat 65.

Pondolou sudah semakin tua dan uzur. Sejak akhir-akhir ini dia hanya terbaring sakit di atas sebuah katil yang diperbuat daripada kayu-kayu hutan...

“Ejim...bapa sudah semakin tua. Bapa dapat rasakan tak lama lagi bapa akan pergi jauh,” kata Pondolou, terketar-ketar mengucapkan bicara itu. Sesekali dia terbatuk.

(Tombiruo: Penunggu Rimba, 2018:65)

Namun dalam filem pula, penerbit telah mengubah cerita asal kepada cerita lain iaitu, kematian Pondolou disebabkan oleh pembunuhan yang dilakukan oleh penjahat. Adegan ini dibuktikan dalam minit ke 18.18 saat yang memaparkan adegan Pondolou ditembak oleh Wong.



Carta 1: Peratus penggunaan format dalam transformasi teks novel ke dalam filem Tombiruo:Penunggu Rimba

Berdasarkan analisis kajian, hanya 20% sahaja penggunaan format yang memindahkan keseluruhan teks asal tanpa membuang mana-mana plot, adegan dan watak. Format kedua iaitu melakukan perubahan dan pengurangan pada plot, adegan dan watak yang tertentu merupakan format tertinggi yang digunakan dalam proses transformasi filem adaptasi ini iaitu sebanyak 79%. Manakala format ketiga iaitu format penulis teks bekerjasama dengan pengarah filem untuk menulis semula teks lakon layar hanya 1 peratus sahaja. Hal ini kerana, kurang bukti yang menunjukkan adanya teks yang ditulis semula oleh penulis teks asal. Analisi ini telah membuktikan bahawa tidak semua teks asal telah dipindahkan ke dalam filem. Terdapat beberapa adegan yang telah dibuang dan diubah misalnya nama watak dan beberapa adegan seperti yang dinyatakan.

4.3.2.2 Konteks Bahasa

Bahasa dapat dategorikan dalam elemen konteks (Hutcheon, 2006). Bahasa berfungsi sebagai laluan komunikasi dalam sesuatu perhubungan. Penggunaan bahasa bergantung kepada latar masyarakat dan latar masa. Crystal (1985), berpendapat stilistik atau gaya bahasa yang merujuk kepada metodologi kajian lingusitik tertentu yang digunakan oleh masyarakat dalam perhubungan misalnya bahasa kelas sosial, bahasa sains, sastera, debat. Menurut Baker (2013), filem merupakan salah satu medium komunikasi sepanjang perkembangan sejarah manusia yang mewakili ekspresi dan pemikiran. Karya filem atau drama dapat mencerminkan norma dan budaya manusia. Hal ini telah dinyatakan oleh Monaco pada tahun 2014 bahawa karya filem yang dihasilkan itu mencerminkan budaya sebenar masyarakat. Penggunaan bahasa dalam sesuatu karya menggambarkan ciri-ciri atau latar belakang watak.

Selain itu, Marta (2017) berpendapat bahawa bahasa sangat penting digunakan di dalam filem sebagai gambaran niat sebenar penutur. Pernyataan ini telah disokong oleh Bach & Harnish (1979) bahawa matlamat komunikasi adalah menyampaikan maklumat dengan mudah difahami dan diinterpretasikan oleh penonton. Berdasarkan novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* pengarang telah memasukkan penggunaan bahasa lain selain Bahasa Melayu iaitu Bahasa KadazanDusun. Bahasa ini telah menggambarkan latar belakang watak yang berbangsa bumiputera iaitu masyarakat Kadazan. Watak yang memegang bangsa ini adalah Monsiroi dan Ondu. Misalnya dalam teks novel muka surat 225 terdapat beberapa dialog dalam bahasa Dusun yang digunakan oleh Monsiroi dan Ondu:

Ondu: *Ingekuro-kuro kono oi odu?* (Apa khabar nenek?)

Monsiroi: *Miagal no ma'diti.. molohing nodi boh.* (Dah tua, beginilah seperti yang kamu nampak sekarang). *Isai gia'lo sumandak oi Ondu?* (Siapa perempuan ini, Ondu?)

Ondu: *oh! Isio nopo nga songulun ih magaganu do abar hili'd Malaya.* *Ngaran nopo dou nga i Wan Suraya.* (Dia seorang pemberita dari Kuala Lumpur. Namanya Wan Suraya, nek).


(*Tombiruo: Penunggu Rimba*, 2018:225)

Perbualan antara nenek Monsiroi dan Ondu di atas menggambarkan mereka berkomunikasi dengan menggunakan bahasa mereka sendiri. Ini menunjukkan terdapat dua bangsa yang berbeza dalam novel. Selain itu, bahasa ini juga telah digunakan dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* melalui watak yang sama iaitu nenek Monsiroi dalam minit ke 45.39 yang memaparkan adegan Amiruddin dan Ondu telah bertemu dengan nenek Monsiroi di dalam hutan.

Ondu: *Odu, isai ko gia? Monsiroi ko?* (nenek, kamu siapa? Monsiroikah?)

(Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*, minit ke 45:39)

Dialog Ondu ini membuktikan bahawa terdapat bahasa KadazanDusun yang telah digunakan di dalam filem. Hal ini menunjukkan bahawa latar masyarakat Kadazan masih ditransformasikan ke dalam filem sama seperti dengan cerita asal dalam novel.




Carta 2: Penggunaan bahasa dalam filem adaptasi novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*


Berdasarkan analisis kekerapan penggunaan bahasa dalam filem adaptasi novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*, sebanyak 14 kali kekerapan bahasa KadazanDusun yang telah digunakan. Bahasa yang selebihnya adalah penggunaan bahasa Melayu.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

Kesimpulan

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan berdasarkan kedua-dua karya novel dan filem, jelas kelihatan prinsip transformasi telah dilakukan oleh penerbit. Walaupun tidak secara keseluruhan teks dipindahkan ke dalam filem, namun masih ada kesamaan dari segi jalan cerita asal. Proses transformasi filem ini telah dikaji menerusi perbandingan unsur naratif seperti perbandingan elemen latar dan perbandingan watak dan perwatakan. Selain itu, terdapat dua elemen adaptasi yang telah digunakan untuk menganalisis ketepatan proses transformasi iaitu elemen sumber dan cara adaptasi, dan konteks.

Berdasarkan elemen sumber dan cara adaptasi, penulis telah menyentuh berkaitan sumber teks iaitu penggunaan novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* cetakan 2018. Selain itu, penulis menyentuh persamaan tema yang merupakan panduan penghasilan filem. Sekiranya berlaku perubahan dari segi tema, maka filem yang dihasilkan berbeza dengan teks asal. Oleh itu, penerbit telah mengekalkan tema yang sama sebagai panduan penghasilan filem tanpa mengubah cerita asal.

Elemen konteks pula, terdapat dua pecahan yang dianalisis oleh penulis iaitu dari segi format dan bahasa. Berdasarkan format yang digunakan dalam proses transformasi teks ke dalam filem, terdapat perubahan dan pengurangan pada adegan, plot atau watak yang tertentu telah dilakukan. Oleh itu, tidak semua peristiwa atau cerita telah dimasukkan ke dalam filem, malah terdapat perubahan jalan cerita yang dilakukan. Manakala konteks bahasa, selain bahasa Melayu yang digunakan sama ada dalam teks novel atau filem, penggunaan bahasa KadazanDusun juga telah diterapkan dalam kedua-dua karya. Hal ini menunjukkan adanya kepelbagaian latar belakang masyarakat dalam cerita.

Secara keseluruhannya, penerbit telah berjaya melakukan transformasi novel ke filem dengan mengikut garis panduan yang betul. Walaupun tidak keseluruhan dipindahkan ke dalam filem, namun masih ada ketepatan yang dapat dilihat misalnya dari segi tema dan format.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Bab lima merupakan bab yang terakhir dilakukan oleh pengkaji dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Dalam bab ini, pengkaji akan membuat rumusan keseluruhan analisis dan kajian penyelidikan dari bab satu sehingga bab lima. Selain itu, pengkaji juga akan mengetengahkan implikasi dan cadangan kepada pengkaji lain supaya dapat membantu mereka untuk meneruskan kajian yang akan datang. Bukan itu sahaja, diharapkan kajian ini dapat memberi ruang kepada pengkaji lain untuk mengupas lebih banyak berkenaan topik kajian ini.

5.2 RUMUSAN KAJIAN

Projek penyelidikan ini merupakan analisis filem adaptasi dari novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Murshid berdasarkan teori Intertekstualiti yang dipelopori oleh Mikhail Baktin. Proses adaptasi novel ke filem merupakan bukan proses yang baru dalam industri perfileman. Novel atau naskah yang terkenal sejak dari awal pengenalan filem kepada masyarakat telah diangkat menjadi filem. Terdapat beberapa filem adaptasi novel terawal yang terkenal iaitu filem-filem Hollywood seperti *Sherlock Holmes Baffled* (1894) yang diterbitkan pada tahun 1900 dan filem *A Trip to The Moon* dari novel *From the Earth to the Moon* (1865) arahan Georges Melies. Dunia perfileman ini bukan sahaja berkembang di negara-negara Barat tetapi juga berkembang di Malaysia. Novel karya Hamzah Hussin iaitu *Rumah itu Duniaku* (1951) telah diadaptasi menjadi filem pada tahun 1963. Selain itu, novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) yang ditulis oleh sasterawan negara iaitu Shahnnon Ahmad juga dijadikan filem pada tahun 1983. Penulis ini juga merupakan penerima beberapa anugerah dalam Festival Filem ke-4 pada tahun itu. Adaptasi merupakan satu hasil bentuk baru yang melibatkan pemindahan karya daripada satu medium kesusasteraan atau teater ke medium yang lain seperti filem. Beberapa kajian ilmiah yang diterbitkan turut mengetengahkan adaptasi sebagai titik perubahan zaman sekaligus memerihalkan konteks budaya dan sejarah tertentu.

Dalam bahagian ini, karya kesusasteraan merujuk kepada hasil penulisan yang dihasilkan oleh penulis-penulis kreatif dan tertumpu kepada novel, cerpen atau skrip drama. Filem pula merupakan satu produk baru yang melibatkan gabungan penulisan skrip dan lakon layar dengan kepengarahan dan teknologi. Karya sastera merupakan sebuah wadah yang digunakan oleh penulis untuk melontarkan pandangan dan kritikan kepada pihak yang tertentu. Hasil penulisan sastera merupakan gambaran gagasan dan

pemikiran pengarang yang akan dikongsikan kepada pembaca. Saya dapat meringkaskan bahawa sastera bukan sahaja dilihat sebagai satu bentuk ilmu kemahiran yang berseni tetapi merangkumi keseluruhan aktiviti manusia secara kreatif.

Bahagian ini akan merumuskan berkaitan objektif pertama iaitu perbandingan unsur naratif dalam filem adaptasi *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Hal ini dapat dilihat bahawa peralihan zaman yang semakin mencabar ini telah membuka mata kepada sasterawan dan ilmuan dalam menyebarkan kepentingan sastera kepada masyarakat. Daripada hasil analisis, pengkaji mendapati bahawa disiplin mendekati proses adaptasi meningkatkan lagi kepentingan terhadap industri perfileman serta mengangkat sebagai genre filem. Unsur naratif termasuklah unsur kesetiaan atau tidak kesetiaan terhadap karya asal dapat diteliti secara spesifik dengan membahas apa yang boleh dilakukan filem tetapi novel tidak dapat lakukan atau sebaliknya. Berdasarkan kajian-kajian ilmiah yang dirujuk pengkaji, mereka turut mengetengahkan adaptasi sebagai penanda kepada peralihan sejarah dengan memerihalkan konteks sejarah dan budaya tertentu yang mempengaruhi corak sesuatu adaptasi.

Seterusnya, pengkaji akan merumuskan objektif kedua iaitu menganalisis proses ketepatan dalam penghasilan filem adaptasi. Konsep-konsep kritikal seperti teori Intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Mikhail Bakhtin dan diperkembangkan oleh Julia Kristeva dan pemikiran terhadap karya adaptasi sebagai palimpsest yang bermaksud sesuatu yang telah diguna pakai atau diubah suai tetapi masih memperlihatkan bentuk asal adalah antara yang dibahas dan fokus dalam kajian filem adaptasi ini. Dalam kajian ini, berpandangan bahawa karya sastera atau teks dalaman dan teks sosial (teks luaran) tidak dapat dipisahkan. Hal ini disebabkan, kedua-dua teks ini memiliki hubungkait dengan sejarah, ideologi, pengalaman pengarang, budaya, moral dan lain-lain. Sehubungan


dengan itu, dapat disimpulkan bahawa hakikat teori Intertekstualiti menggambarkan dalam setiap teks memiliki teks-teks lain serta memperlihatkan bahawa teori ini merupakan konsep dialogik iaitu hubungan antara sebuah teks dengan teks-teks lain.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

5.3 IMPLIKASI KAJIAN

Pemindahan karya teks ke dalam filem yang dilakukan oleh Seth Larney membuktikan bahawa proses adaptasi filem bukan sahaja dilihat dari segi sambutan peminat tetapi keaslian cerita dari sumber asal. Terdapat banyak konteks yang perlu dilihat, dinilai dan ditapis sebelum diterbitkan menjadi filem termasuklah unsur naratif, jalan cerita dan keaslian cerita. Perkara ini telah dititikeratkan bagi merangsang reaksi pembaca atau penonton. Oleh hal yang demikian, pengkaji dapati terdapat unsur kesetiaan yang berlaku dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* terhadap sumber asli. Penghasilan filem adaptasi yang setia kepada sumber asal atau teks asal mendorong karya filem dapat diterima oleh pihak penerbitan dan penonton. Walaupun tidak secara keseluruhan cerita dari novel dipindahkan ke dalam filem namun tema, plot, latar, watak dan sebagainya masih merujuk kepada teks asal. Sehubungan dengan itu, penghasilan adaptasi ini memberi kesedaran dan pembentukan pemikiran masyarakat dalam menghasilkan lebih banyak karya filem.

Seterusnya, inovasi dan teknikal dalam filem adaptasi telah memberi kesan yang ketara kepada pengalaman penonton dan pembangunan industri filem secara keseluruhan. Hal ini demikian kerana, melalui bidang ini penggiat bukan sahaja mengkaji teks atau skrip filem tetapi juga terlibat dalam pelaksanaan teknikal. Pengkaji menyimpulkan bahawa filem adaptasi boleh dijadikan proses latihan dan pembelajaran untuk inovasi teknik dan visual sinematografi. Hal ini bertepatan dengan konsep teori Intertekstualiti yang digunakan dalam kajian ini. Teori Intertekstualiti yang merupakan sebuah unsur hubungan antara dua medium berbeza yang diterapkan dalam kajian adaptasi. Unsur teks yang dipindahkan dalam filem dapat difahami dan dinilai oleh penonton sama ada cerita

itu berketepatan dengan teks asal atau sebaliknya. Hasil adaptasi dilihat dapat mendidik dan memberi ruang kepada semua pihak dalam menguasai bidang sastera dan teknologi.

Pengkaji mengakui bahawa penerbitan filem yang diadaptasi daripada novel sememangnya bukan proses yang mudah. Penerbitan filem memerlukan daya yang kuat bagi menghasilkan karya berkualiti yang boleh diterima oleh penonton. Contohnya, dalam filem adaptasi *Tombiruo: Penunggu Rimba*, pengkaji dapat melihat usaha pengarah untuk menghasilkan filem ini sehingga menjadikan filem ini dikenali sebagai filem *thriller* di Malaysia. Usaha ini dapat membantu orang lain untuk lebih matang dan berfikiran terbuka dalam menghasilkan karya yang baru. Penceritaan novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* menyentuh kepada kehidupan masyarakat peribumi yang memasukkan beberapa unsur budaya masyarakat di Sabah. Oleh itu, penonton boleh menggambarkan kehidupan masyarakat Sabah melalui filem yang dihasilkan.

5.4 CADANGAN

Dengan kepesatan permodenan era globalisasi kini, kita dapat melihat kerajaan semakin menyetengahkan kepentingan kreativiti dan inovasi. Perkara ini merupakan salah satu agenda kerajaan bagi mencapai transformasi negara sebagai negara maju. Oleh hal yang demikian, perkembangan modal insan telah menjadi elemen yang penting sebagai tunjang inovasi dan kreativiti. Modal insan yang berkualiti dapat menyokong komponen dalam pengwujudan dan penambahan modal negara termasuklah dalam industri perfileman.

Berdasarkan hasil analisis kajian yang dilakukan, terdapat beberapa cadangan yang dapat dikongsikan oleh pengkaji untuk kajian masa hadapan. Cadangan ini dibuat sesuai dengan beberapa isu yang telah dianalisis dalam kajian ini. Antaranya adalah, masih kurang novel sastera dijadikan filem di dalam industri perfileman yang mendorong karya-karya sastera yang ditulis oleh sasterawan negara kurang diketahui oleh masyarakat setempat. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang dapat membantu generasi muda untuk menghasilkan filem adaptasi yang berkualiti. Cadangan yang ingin dicadangkan oleh pengkaji adalah seperti berikut.

5.4.1 Cadangan kepada orang awam

Selepas kajian ini dilaksanakan, terdapat banyak pandangan yang boleh dinilai oleh pengkaji terutamanya dari aspek penerimaan dan sambutan masyarakat terhadap filem adaptasi di Malaysia. Orang awam boleh menguji bakat mereka ke dalam bidang perfileman sama ada dalam penyuntingan, berlakon atau penulisan skrip. Hal ini kerana, terdapat banyak filem adaptasi yang telah diterbitkan dan sudah semestinya wujudnya kepelbagaian pandangan yang dilontarkan oleh penonton-penonton di luar sana. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya orang awam mengambil pandangan-pandangan tersebut sebagai cabaran melibatkan diri dalam bidang perfileman.

Selain itu, masyarakat juga perlu membuat kritikan terhadap karya-karya yang dihasilkan tidak kira dalam karya filem atau karya sastera. Namun, kritikan tersebut perlulah berarah kepada konteks yang tepat secara matang jujur dan amanah tanpa menjatuhkan nama orang lain atau organisasi. Kritikan adalah penting untuk memberi kesedaran kepada penerbitan supaya penambahbaikan terhadap sesebuah karya boleh dilakukan.

5.4.2 Cadangan kepada Kerajaan

Cadangan pengkaji kepada kerajaan adalah, pihak kerajaan perlulah peka terhadap kandungan filem yang diterbitkan dan memastikan filem yang diadaptasi daripada sumber tertentu mengikuti garis panduan. Hal ini demikian kerana, pihak kerajaan mempunyai hak dalam pemberian lesen dan kebenaran kepada pihak penerbitan untuk menerbitkan karya filem mereka. Oleh itu, pihak kerajaan dapat meningkatkan kawalan penapisan untuk memastikan filem yang diadaptasi mengikut garis panduan moral dan etika masyarakat.

Selain itu, pengkaji mencadangkan pihak kerajaan untuk memperbanyakkan filem adaptasi daripada karya sastera yang boleh diterima oleh semua peringkat umur. Jika dilihat tayangan televisyen masa kini, filem-filem adaptasi Malaysia yang ditayangkan masih mempunyai unsur-unsur tema yang tidak sesuai ditonton oleh semua peringkat umur. Hal ini mendorong kemungkinan kepada kurangnya sambutan tontonan daripada masyarakat tempatan. Oleh itu, cadangan ini dikemukakan supaya filem-filem yang dihasilkan lebih berkualiti dari segi kandungan, tema dan nilai seterusnya mendapat sambutan yang tinggi.

5.4.3 Cadangan kepada Industri

Pihak industri juga perlu memainkan peranan dalam menghasilkan dan menerbitkan karya filem adaptasi sama ada daripada novel atau cerpen. Berdasarkan penyelidikan ini, pengkaji dapat mencadangkan supaya pihak industri dapat menyumbangkan pelaburan dalam menyediakan program-program seperti pendidikan dan latihan kepada belia-belia muda terutamanya dalam bidang filem dan seni kreatif. Sumbangan ini bukan sahaja dapat memperkembangkan industri pada masa akan datang tetapi membantu belia-belia muda mencungkil bakat mereka dalam industri perfileman.

Selain itu, pihak industri juga boleh membuka peluang kepada krew dan orang awam untuk mencuba melibatkan diri dalam dunia perfileman. Jika dilihat masa kini, terdapat ramai orang di luar sana yang mampu berbakat dalam bidang filem. Misalnya, jika diperhati dalam aplikasi TikTok, ramai orang tempatan yang berbakat jika mereka dibantu dan diajar menggunakan bakat yang mereka miliki. Oleh yang demikian, jika peluang ini dibuka kepada mereka nescaya pihak industri dapat melahirkan pelakon-pelakon dan krew yang lebih berkualiti.

Akhir sekali, pengkaji mencadangkan supaya pihak industri menyokong krew yang sedia ada untuk mengambil risiko kreatif dan mengembangkan idea-idea inovasi dalam proses adaptasi. Perkara ini bermaksud, pihak penerbitan memberi peluang kepada krew-krew untuk membuka suara atau memberi cadangan yang lebih kreatif dalam proses adaptasi. Hal ini dapat meningkatkan komitmen kreativiti dan inovasi krew-krew terhadap penghasilan filem.

5.4.4 Cadangan kepada pengkaji lain

Cadangan yang boleh dikongsikan pengkaji kepada pengkaji lain adalah, pengkaji yang akan datang boleh meninjau secara meluas berkaitan sosio budaya dalam penciptaan filem adaptasi. Di Malaysia sahaja, terdapat banyak bangsa seperti Melayu, India dan Cina. Oleh itu, sudah semestinya banyak penulisan novel yang telah diterbitkan mengikut bahasa masing-masing. Oleh itu, pengkaji akan datang boleh membuat kajian tentang filem adaptasi dengan lebih luas dengan membuat perbandingan filem antara filem Melayu, filem Cina dan India yang terdapat di Malaysia. Kajian seperti ini dapat membantu memperluaskan lagi skop kajian filem adaptasi yang melibatkan bangsa-bangsa lain di Malaysia. Hal ini kerana, pengkaji mendapati hanya kebanyakan kajian yang dilakukan adalah kajian terhadap filem Melayu sahaja.

Selain itu, pengkaji juga mencadangkan supaya pengkaji lain mempelajari dan menyelidik dengan lebih luas lagi tentang cara penonton bertindak balas terhadap filem yang diadaptasi sama ada dari segi penerimaan mahupun kritikan. Pengkaji pada masa hadapan boleh menjalankan tinjauan atau temu bual bagi mendapatkan kefahaman secara langsung daripada penonton berkenaan aspek positif dan negatif daripada filem adaptasi yang ditonton.

5.5 KESIMPULAN

Tuntasnya, berdasarkan keseluruhan penyelidikan yang dilakukan ini, pengkaji berharap supaya kajian ini dapat membantu dan menyediakan keperluan kajian kepada semua masyarakat dan individu berkaitan filem adaptasi novel di Malaysia. Masih banyak lagi yang boleh dikaji mengenai bidang perfileman terutamanya di Malaysia yang memerlukan langkah supaya lebih berkembang dan terkenal dalam kalangan masyarakat setempat seterusnya di peringkat antarabangsa. Permasalahan kajian ini bukanlah menjurus kepada adaptasi novel sastera sahaja tetapi juga kepada semua cabang sastera seperti drama, prosa tardisional dan cerpen.

Penulisan bukanlah satu-satunya platform yang boleh digunakan untuk menyampaikan kekreatifan idea dan buah fikiran tetapi pendigitalan juga boleh digunakan sebagai penyambung saluran untuk menyampaikan mesej-mesej tersebut. Oleh itu, semua pengkarya wajarlah bekerjasama dengan pengkarya yang lain untuk menghasilkan karya penulisan yang lebih berkualiti supaya dapat mengangkat sastera kontemporari lebih tinggi pada masa akan datang. Selain itu, industri penerbitan juga perlulah bijak memilih karya sastera yang boleh diperkembangkan ke dalam dunia perfileman agar nilai sastera yang dapat menjana pengetahuan kepada penonton dapat disampaikan.

RUJUKAN

- Abdullah, N. A. V., Shukri, F. M., & Rosdi, N. A. N. M. (2021). Hubungan alam dan manusia dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* (2017): *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(1), 105-117.
- Ahmad Zamil Zakaria, Ismail Hafiz Salleh, & Mohd Sabrizaa Abd. Rashid. (2013). Malay landscape elements as depicted in the old Malay films. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 24(1): 122-137.
- Ardianto, D. T. (2014). Dari novel ke filem:Kajian teori Adaptasi sebagai pendekatan dalam penciptaan filem. *Panggung*, 24(1), 90-120.
- Azlina Asaari, Jamaluddin Aziz, dan Sabariah Mohamed Salleh, (2017). *Susuk, wanita dan objection* dalam filem seram kontemporari Melayu. *Jurnal Komunikasi*, 33 (3), 70-88.
- Dewan Bahasa dan Pustaka*. (Edisi Keempat). (2013). Dewan Bahasa Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka*. (Edisi Keempat). (2014). Dewan Bahasa Pustaka.
- Fitria, A. A., & Wedawati, M. T. (2022). Ekranisasi *Crazy Rich Asians* dari novel ke filem. *Jurnal Onoma: Pendidikan, Bahasa, dan Sastera*, 8(2), 499-519.
- Halimah Mohamed Ali. (2014). *Cinta Sufi dan Dakwah* Ramlee Awang Mursyid: Pengaruhnya terhadap pembaca. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 2(3), 2014: 13 – 21.
- Hamid, M. N. S., & Yaapar, M. S. (2015). Adaptasi teks *Hikayat Merong Mahawangsa* kepada filem: Analisis perbandingan unsur naratif. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 201-223.
- Hani Salwah Yaakup (2018). “*Tombiruo: Penunggu Rimba* adaptasi novel ke filem dan representasi kepercayaan setempat. *Jurnal Komunikasi Jilid 34* (2), 323-337.
- Hutcheon, L. (2006). *A theory of adaptation*. In Routledge eBooks.
- Ismail, N., Abdullah, M. A. R., Rahim, N. A., & Kamarudin, K. (2020). Elemen latar dalam novel thriller *Legasi Tombiruo*. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*, 8, 67-79.
- Isnaini, H. (2022). Mantra Asihan Makrifat: Analisis Struktur, Konteks Penuturan, Prose Penciptaan, Dan Fungsi. *Jurnal Riset Rumpun Ilmu Bahasa*, 1(1), 1-12.


- Kiffli, S., & Saufi, N. A. R. M. (2021). Elemen-elemen adaptasi dalam filem Tombiruo: Penunggu Rimba (TPR). *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(1), 109-125.
- Koh Young Hun, Umami Hani Abu Hasan, (2015). Fenomena novel popular Islam di Malaysia dan Indonesia: Bacaan khusus terhadap novel 'Ayat-ayat Cinta' dan 'Salju Sakinah, *Jurnal Melayu*, 14(1), 92-102.
- Malida, R. (2020). Transformasi novel *Pintu Terlarang* karya Sekar Ayu Asmara ke dalam filem (kajian sastra bandingan). *Jurnal Bahtera Sastra Indonesia, 1(3). Melayu (JOMAS)*, 32(1), 105-117.
- Maryam, N. A., & Nuerul Janah, R. (2020). Analisis Deiksis dalam novel 9 Nyawa: Satu analisis pragmatik. *International Young Scholar of Language*. 1(4), 1-18.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid & Md. Salleh Yaapar (2015). Adaptasi teks *Hikayat Merong Mahawangsa* kepada filem: Analisis perbandingan unsur naratif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 8(2), 1675-6460.
- Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad & Muhammad Zaid Daud (2018). Analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam novel *Sastera Indie*: Karya Azwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 106-121.
- Mohd Nazri Latiff Azmi, Mohamad Nur Shafiq Mohamad Farza & Mairas Abd Rahman (2013). A comparative literature of Reader Response Theory in Thriller fiction: Sheldon vs. Ramlee. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 3(13), 410- 418.
- Rambe, H. T., Abidin, S., & Achiriah, A. (2022). Analisis Semiotika filem *Negeri di Bawah Kabut*. *Berajah Journal: Jurnal Ilmiah Pembelajaran dan Pengembangan Diri*, 2(4), 989-998.
- Ramlee Awang Murshid, (2018). *Tombiruo:Penunggu Rimba*. Terbitan Grup Buku Karangraf . Cetakan 2018.
- Ramrao, T. N. (2016). Film and Literature: A Review. *International Journal of Multidisciplinary Research*. 2(9). 2395-6968.
- Riyadi, S. (2014). Penggunaan filem adaptasi sebagai media pengajaran sastra. *Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra*, 14(2), 241-250.
- Safei, M., & Hassan, T. R. R. (2016). Politik dan Intertekstualiti dalam Juara. *Malay Literature*, 29(2), 207-232.
- Saputra, H. S. (2009). Transformasi lintas genre: dari novel ke filem, dari filem ke novel. *Humaniora*, 21(1), 41-55.

- Siti Zalikhah Md Nor. 2011. Perangkap perjanjian Pangkor. *Jurnal Undang-undang Malaysia* 23(2): 267-285
- Sohaimi Abdul Aziz (2011). “*Laskar Pelangi*: Satu penelitian adaptasi novel ke filem”. *Jurnal Kemanusiaan*, 19(1), 35-52
- Teh, W. H. W. (2018). The history of film adaptation in Malaysia: The long journey of its rise and fall. *Malay Literature*, 31(2), 361-382.
- Teh, W. H. W., & Yaapar, M. S. (2015). Pandangan S. Othman Kelantan dan U-Wei Haji Shaari terhadap masyarakat Melayu Kelantan dan Patani: Adaptasi daripada novel *Juara* kepada Filem *Jogho*. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 224-244.
- Tumbole, G. F. F., & Cholsy, H. (2022). Strategi penerjemahan kata sapaan dengan konteks sosial dan budaya dalam novel *Bumi Manusia* Terjemahan Bahasa Inggris. *Diglosia: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra, Dan Pengajarannya*, 5(3), 589-602.
- Wardani, L. D. P., Rifqiyah, F., & Kusumayanti, D. D. (2021). Transformations in *A Little Princess* movie: An adaptation analysis. *Jurnal Linguistik, Sastra, dan Pendidikan*, 6(2), 117-128.
- Yaakup, H. S. (2018). Tombiruo: Adaptasi novel ke filem dan representasi kepercayaan setempat. *Malaysian Journal of Communication*, 34(2), 323-337.

LAMPIRAN



Ramlee Awang Mursyid (Penulis)
Sumber: Internet



Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*



Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*
Sumber: Internet